# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 23 MEI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PM SEGERAKAN MESYUARAT KABINET, BINCANG KOS SARA HIDUP, MUKA DEPAN, UM -1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | KERAJAAN MESYUARAT 'TERGEMPAR', MUKA DEPAN, HM -1 | |
| 3. | AWALKAN MESYUARAT KABINET KE HARI INI, LOKAL, HM -2 | |
| 4. | KETENGAHKAN USAHA RENTAS KEMENTERIAN, LOKAL, HM -2 | |
| 5. | KPDNHEP, MAFI DIARAH BENTANG PELAN, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 6. | KERAJAAN KAJI MANSUH AP BARANG KEPERLUAN LAIN: PM, NASIONAL, BH -2 | |
| 7. | 'KRISIS TERBURUK DALAM LEBIH 20 TAHUN', NASIONAL, BH -4 | |
| 8. | MAFI SEGERA PROSES BERI SUBSIDI KEPADA PENTERNAK, NASIONAL, BH -5 | |
| 9. | KABINET BINCANG KOS SARA HIDUP, AYAM, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 10. | HARGA AYAM CECAH RM11 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 11. | PM PERCEPAT MESYUARAT KABINET, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -4 | |
| 12. | 'DESPERATE TIMES', MUKA DEPAN, NST -1 | |
| 13. | FOOD ISSUES: CABINET MEETING TODAY, NEWS, NST -2 | |
| 14. | NANTA: MINISTRY TO PROPOSE IMMEDIATE MEASURES, NEWS, NST -2 | |
| 15. | SEARCHING FOR SOLUTIONS, MUKA DEPAN, THE STAR -1 | |
| 16. | CABINET TO DISCUSS HIGH COST OF LIVING, CHICKEN SUPPLY, NATION, THE STAR -6 | |
| 17. | PERMINTAAN TINGGI MUSIM PERAYAAN PUNCA BEKALAN AYAM TERGANGGU, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -4 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 18. | PENIAGA AYAM DI PERLIS CATU JUALAN, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -4 | |
| 19. | CHICKEN TRADERS RATION SALES DUE TO SHORTAGE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | |
| 20. | DAGING HALAL: BUKAN RASUAH TAPI TIDAK PATUH SOP, DALAM NEGEI, UM -9 | |
| 21. | JAKIM PERTAHAN PEMATUHAN HALAL, DALAM NEGEI, UM -9 | |
| 22. | PENDARATAN IKAN KURANG SEHINGGA 70 PERATUS SEJAK DUA BULAN, NASIONAL, BH -6 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 23. | NAFAS SEDIA URUS BEKALAN AYAM NEGARA, DALAM NEGERI, UM -6 | PERTUBUHAN PELADANG KEBENAGSAAN (NAFAS) |
| 24. | CUBAAN NAIKKAN HARGA AYAM, MUKA DEPAN, UM -1 | LAIN-LAIN |
| 25. | DI MANA PELAN EKONOMI BAGI MEMAKMURKAN NEGARA, DALAM NEGERI, UM -2 | |
| 26. | PERGI LADANG, KENA HALAU BALIK, LOKAL, HM -2 | |
| 27. | TIADA TANDA MASALAH PULIH DALAM TEMPOH TERDEKAT, LOKAL, HM -2 | |
| 28. | HAPUS AKTIVITI KARTEL, LOKAL, HM -3 | |
| 29. | 'KERAJAAN PERLU SEGERA CAMPUR TANGAN', LOKAL, HM -3 | |
| 30. | DAH SEMINGGU TIADA STOK TEPUNG, LOKAL, HM -3 | |
| 31. | SYOR WUJUD ZON KEKAL PENGELUARAN AYAM, NASIONAL, BH -4 | |
| 32. | SANGGUP BAYAR MAHAL DEMI DAPATKAN BEKALAN AYAM, NASIONAL, BH -5 | |
| 33. | SITUASI TERBAIK UBAH TABIAT PEMAKANAN KE ARAH LEBIH SIHAT, NASIONAL, BH -5 | |
| 34. | KESAN DAPAT DILIHAT DALAM DUA HINGGA 3 MINGGU LAGI, NASIONAL, BH -6 | |
| 35. | 'MUNGKIN TERPAKSA GUNA IKAN UNTUK GANTI AYAM', KRISIS BEKALAN AYAM, SH -4 | |
| 36. | '20 TAHUN BERNIAGA AYAM, INI KRISIS TERBURUK', KRISIS BEKALAN AYAM, SH -5 | |
| 37. | WUJUDKAN ZON KEKAL PENGELUARAN AYAM, DALAM NEGERI, UM -6 | |
| 38. | IKAN, DAGING TERLALU MAHAL UNTUK GANTI AYAM, DALAM NEGERI, UM -6 | |
| 39. | AP ABOLITION TO STABILISE FOOD SUPPLY, SAYS NANTA, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 | |
| 40. | SELESAI SEGERA ISU BEKALAN BAJA LEWAT, NEGERI KEDAH, SH -36 | |
| 41. | PENIAGA AYAM AMBIL BEKALAN DARI LUAR LEMBAH KLANG, DALAM NEGERI, UM -29 | |
| 42. | PEMBELI MENGELUH, AYAM HABIS SEAWAL 8 PAGI, DALAM NEGERI, UM -29 | |
| 43. | HALAL: PROSES KETAT, BERINTEGRITI, RENCANA, UM -15 | |
| 44. | MAKANAN KITA DI TANGAN ORANG, RENCANA, UM -16 | |
| 45. | CONSUMER GROUPS WANT ALL FOOD-RELATED APs ABOLISHED, NATION, THE STAR -9 | |
| 46. | TIME TO RELOOK FOOD SECURITY, VIEWS, THE STAR -12 | |

| | | |
|---|---|---|
| 47. | FESTIVE TREAT FOR COASTAL FISHERMEN, EVENT, THE STAR -6 | |
| 48. | AYAM HABIS, PENIAGA NASI AYAM DI TIGA NEGERI TERPAKSA TUTUP OPERASI, KRISIS BEKALAN AYAM, SH -5 | |
| 49. | IN A PICKLE OVER CHICKEN SHORTAGE, NEWS, NST -2 | |
| 50. | 90PC OF ORDERS NOT DELIVERED, NEWS, NST -2 | |
| 51. | 'SET UP FOOD STOCKPILES TO AVOID CRISIS', NEWS, NST -4 | |
| 52. | PRICES OF CHICKEN DISHES MAY GO UP, NATION, THE STAR -6 | |
| 53. | SOARING PRICES LEAVE A BIG HOLE IN THEIR POCKETS, NATION, THE STAR -6 | |

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Syarikat peladang ayam mahu harga siling RM9.90

# Cubaan naikkan harga ayam

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Komplot syarikat-syarikat peladang menutup ladang mereka sehingga menjejaskan bekalan ayam mentah di pasaran adalah cubaan pertama kumpulan 'tangan hitam' itu menuntut harga siling dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram.

Harga siling ditetapkan ketika ini iaitu RM8.90 sekilogram dianggap tidak lagi relevan oleh kumpulan itu susulan peningkatan kos operasi termasuk harga dedak ayam.

Masalah bekalan ayam terus meruncing di seluruh negara apabila beberapa negeri seperti Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor mengalami keputusan bekalan ekoran tindakan penutupan ladang.

Terbaharu, beberapa kilang pemprosesan ayam di Terengganu turut mengeluarkan notis penutupan kilang selama dua hari mulai hari ini.

Sumber dalaman industri memberitahu *Utusan Malaysia*, 'pengisytiharan perang' kepada kerajaan adalah cubaan pertama bagi menggesa pihak berkuasa meningkatkan harga siling supaya selari dengan peningkatan kos penternak.

Bersambung di muka 3




**Putus Bekalan**

PENIAGA ayam meletakkan tanda 'ayam habis' dalam tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Ampangan, Seremban semalam. -UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

# PM segerakan mesyuarat Kabinet, bincang kos sara hidup

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR dan AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kos sara hidup dan bekalan barang menjadi dua fokus yang dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet yang dipercepat ke hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta mesyuarat itu dipercepat kerana banyak isu melanda negara khususnya kos sara hidup yang dijangka meningkat kesan masalah global sejak kebelakangan ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diminta membentangkan perancangan jangka pendek dan panjang dalam mesyuarat tersebut.

"Penawaran bahan makanan mungkin terjejas teruk khususnya gandum kerana satu pertiga bekalan dikeluarkan dari Rusia dan Ukraine serta beberapa negara menyekat eksport untuk kegunaan mereka. Sudahlah sebelum kita ini dilanda pandemik.

"Jadi daripada teori ekonomi jika permintaan lebih penawaran, tentu harga meningkat.

"Jadi Isnin (hari ini) saya panggil mesyuarat Kabinet khusus bagaimana hendak kita mengimbangi kenaikan harga barang yang mendadak ini," katanya.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

## Minda Pengarang

**MOHAMAD AZLAN JAAFAR**



# *Di mana pelan ekonomi bagi memakmurkan negara?*

TEMPOH 24 bulan lalu adalah segalanya kecuali senang dan mudah. Pandemik Covid-19 selama dua tahun mengurung dunia, menyebabkan jutaan dibuang kerja dan dunia tunggang terbalik. Manusia terpaksa tunduk daripada semua kemegahan kepada kuasa yang tidak dijangka.

Malaysia berbelanja ratusan bilion bagi membantu rakyatnya kembali hidup seperti biasa. Pemegang akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengeluarkan lebih RM140 bilion. Geran dan jaminan kerajaan berjumlah ratusan bilion lagi.

Kita berjaya keluar daripada pandemik Covid-19. Kita dapat menyambut Aidilfitri lebih awal kerana mungkin teropong digunakan lebih bagus. Umat Islam mengadakan rumah terbuka seperti Covid tidak pernah berlaku. Rakan-rakan duduk gembira seperti Covid hanya selesema yang diubati dengan panadol.

Jalan-jalan di Kuala Lumpur hari ini lebih sesak berbanding sebelum pandemik. Mungkin pencakar langit dan kondominium yang selama dua tahun tidak dapat dihuni, dimasuki pemiliknya. Covid-19 telah berlalu dan kita tunggu virus selanjutnya. Tetapi masalah lebih besar menghantui Malaysia menjangkau virus atau kantung KWSP hampir kosong milik lebih enam juta pencarum.

Krisis lain turut menyukarkan proses pemulihan. Banjir besar di Lembah Klang menyebabkan kerugian lebih RM7 bilion. Kenaikan harga barangan kini serius. Seketul ayam di kedai mamak berharga RM4.50. Bekalan ayam berkurangan. Kartel marah disebabkan subsidi lambat diterima lalu menghentikan pengeluaran. Alasannya, ayam tidak membesar.

Harga barangan lain turut meningkat, memberi tekanan kepada golongan miskin. Sekuriti makanan kini menjadi kebimbangan utama. Jika tiada subsidi dan pelbagai bantuan untuk memastikan harga kekal di bawah harga sebenar, tidak mustahil rakyat sudah turun di jalanan. Revolusi Perancis berlaku disebabkan krisis kewangan.

Kestabilan politik yang terumbang-ambing tidak membantu. Ada yang tiba-tiba kembali bercakap mengenai penyatuan ummah walaupun mereka memusnahkan asas demokrasi. Tiada segan dan malu dalam kegagalan. Kerajaan sekarang tidak bersalah di atas semua masalah. Kekurangan bekalan dan kenaikan inflasi berlaku di seluruh dunia.

Tetapi apa yang diperlukan kini adalah rancangan ekonomi jitu. Apa seterusnya untuk Malaysia? Di mana pelan ekonomi atau blueprint jangka panjang yang akan melonjakkan Malaysia ke taraf global?

Apakah sektor-sektor yang akan menjana pekerjaan kepada lebih 400,000 siswazah dan profesional yang memasuki alam pekerjaan setiap tahun. Apakah rancangan untuk kenderaan elektrik, teknologi berkaitan, pembangunan aplikasi dan teknologi masa depan. Ekonomi gig bukan kebanggaan berdasarkan jumlah *riders*.

Kerja keras tanpa pelan atau hala tuju seperti meminta nakhoda kapal di tengah laut belayar dari titik A ke B tanpa kompas.

Pengurusan adalah mengenai mempunyai pelan lengkap, terperinci dan pelaksanaan sehingga ke huruf terakhir. Adakah kita akan melakukan perkara sama dan hanya *recycle* pelan yang kita diketahui sejak empat dekad lalu.

Kita memerlukan 'genius' yang tahu apa yang perlu dilakukan, merangka pelan baru, memberi keyakinan baru bahawa masa depan Malaysia adalah cerah. Malaysia dan anak-anak Malaysia berhak untuk mendapat yang lebih baik dan bukan pelan setengah masak oleh mereka yang bakatnya setakat mengikat tali kasut.

**Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn Bhd.**

# PM segerakan mesyuarat Kabinet, bincang kos sara hidup

**Dari muka 1**

Lazimnya, mesyuarat mingguan Kabinet berlangsung setiap Rabu manakala hari Jumaat pula sepanjang Sidang Dewan Rakyat berlangsung.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk menghapuskan lebih banyak lesen import (AP) selain makanan bagi mengurangkan tekanan akibat kekurangan bekalan .

Beliau berkata, malah langkah itu secara tidak langsung dapat mengurangkan harga barangan.

"Saya dah umumkan AP dihapuskan, saya melihat kemungkinan lebih banyak AP sedang dikaji untuk dihapuskan.

"Kita berharap apabila AP dihapuskan, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan tekanan daripada kekurangan *supply* (penawaran) jika banyak pihak terlibat terlibat, harga mungkin dapat dikurangkan. Tetapi kita tunggulah kesannya," katanya.

Minggu lalu, beliau mengumumkan keperluan menghapuskan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta, sebagai langkah drastik menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negara ini.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, usaha rentas kementerian adalah teras dalam usaha pihaknya bagi menangani isu kos sara hidup dan bekalan barang.

"Inti pati ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet esok seperti diarahkan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mesyuarat hari ini akan menentukan langkah intervensi kerajaan dalam merungkai isu barangan keperluan harian, khususnya bekalan ayam demi memastikan sebarang usaha penyelesaian tidak dilaksanakan secara 'silo' dan tiada kesinambungan.

"Keputusan Jemaah Menteri memansuhkan permit import (AP) memang bertepatan dengan hasrat untuk menjamin kelangsungan bekalan dan memberi kelebihan kepada pengguna.

"Bagaimanapun, pemansuhan AP itu mengambil masa untuk ia memberi kesan positif kepada pengguna kerana ia bergantung kepada berapa cepat proses perolehan dilakukan, pensijilan halal, pemeriksaan kastam dan sebagainya," katanya.



**MESYUARAT Kabinet hari ini fokus menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat dan membebankan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



BINCANG ISU KESELAMATAN MAKANAN

# KERAJAAN MESYUARAT 'TERGEMPAR'

Menyedari isu kenaikan harga barang terutama makanan semakin mencengkam rakyat, kerajaan mengadakan mesyuarat Kabinet hari ini berbanding lazimnya pada Rabu. Perancangan jangka pendek dan panjang dijangka dibentangkan bagi mengelak tercetus krisis lebih serius.

MS2,3&4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 2 |

KRISIS BEKALAN AYAM

# Pergi ladang, kena halau balik

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Krisis kekurangan bekalan ayam dijangka terus meruncing sehingga minggu depan dan mengambil masa untuk pulih semula.

Tinjauan di Pasar Awam Larkin di sini, juga mendapati bekalan ayam yang diperoleh peniaga tidak 'penuh meja', malah terdapat beberapa kedai menjual ayam juga tidak beroperasi.

Peniaga ayam segar, Syafie Yahya, 45, berkata ketiadaan bekalan ayam disifatkan terlalu teruk kerana tempahan harian yang diperoleh hanya dapat 40 hingga 30 peratus sahaja.

Katanya, kebiasaannya menempah 500 ekor ayam sehari namun hanya memperolehi 200 ekor ayam sahaja.

"Bekalan memang akan turun dan turun setiap hari, ayam memang tiada. Hari ini ayam yang datang dari pembekal pun bersaiz kecil antara 800 hingga 900 gram, macam saiz burung puyuh.

"Contoh hari ini saya tempah 500 ekor, dapat cuma 200 ekor, ada juga peniaga yang dapat hanya 100 ekor. Sedangkan pelanggan sudah menempah ayam.

"Sepatutnya perkara ini kena tanya orang tengah, peladang dan pemborong mengapa ayam tiada? Kita ini hanya peruncit sahaja. Kena tanya juga kepada kementerian berkaitan, apa yang mereka buat sampai ayam tidak ada? Tidak mungkin orang sembunyikan ayam beratus ribu ekor, mereka juga mahu untung, baik jual dari ayam mati," katanya yang sudah berniaga ayam sejak tahun 1994.

> "Hari ini ayam yang datang bersaiz kecil, macam saiz burung puyuh"
> Syafie

Bagi Azman Marjusan, 57, berkata semalam dia hanya menjual 80 ekor ayam sedangkan sudah menempah 450 ekor ayam dari tiga pembekal.

Katanya, dua pembekal di Kluang tidak dapat membekalkan ayam kerana kehabisan stok di ladang.

"Sebelum ini isu harga ayam mahal, memang semua barang naik harga, sayur dan ikan juga naik harga. Pelanggan bising harga mahal cuma sehari dua sahaja. Tapi sekarang ayam pula tiada.

"Hari ini saya minta 450 ekor ayam dari tiga pembekal, dapat 80 ekor sahaja. Dua pembekal di Kluang tidak beroperasi kerana tiada bekalan dari ladang. Mereka pergi ladang kena halau balik, ayam tiada.

"Kita peniaga, ada pelanggan tetap yang telah menempah. Saya sampai takut hendak jawap panggilan telefon, malu sudah berjanji dengan pelanggan tapi ayam dapat sikit.

"Sebelum bekalan ayam tidak kritikal seperti sekarang, kalau pergi pasar pagi ayam semua sudah habis. Kalau ada ayam di ladang, keadaan tidak jadi seperti ini. Bukan saya seorang sahaja, semua peniaga ayam dapat ayam sikit untuk jualan. Harga datang sudahlah mahal RM9.90 sekilogram," katanya.



KEBANYAKAN peniaga hanya mendapat kurang separuh tempahan ayam dari pembekal ketika tinjauan di Pasar Awam Larkin, semalam. - Gambar NSTP/OMAR AHMAD

# Awalkan mesyuarat Kabinet ke hari ini

**Kuala Lumpur:** Mesyuarat Kabinet akan diawalkan ke hari ini bagi membincangkan isu peningkatan kos sara hidup dan penawaran bahan makanan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.



ISMAIL Sabri

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), masing-masing akan membentangkan laporan berkaitan isu itu termasuk perancangan jangka pendek dan panjang mengatasinya.

"Jadi esok, Isnin, saya panggil mesyuarat kabinet untuk melihat khusus dari segi bagaimana kita hendak mengimbangi kenaikan harga barang yang mendadak ini dan saya minta KPDNHEP untuk membentangkannya.

"Begitu juga dengan makanan, *supply* makanan termasuk ayam, Mafi perlu membentangkannya," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, kos sara hidup yang dijangka meningkat adalah fenomena global, antaranya berikutan konflik Rusia-Ukraine serta pandemik Covid-19 sebelum ini yang turut menjejaskan pengeluaran bahan dan hasil makanan.

Sementara itu, perdana menteri berkata, selain permit import (AP) untuk bahan makanan, kerajaan juga sedang mengkaji pemansuhan AP lain bagi mengurangkan tekanan kekurangan barangan lain.

# Ketengahkan usaha rentas kementerian

**Kuala Lumpur:** Isu bekalan ayam antara topik akan dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet yang dipercepatkan ke hari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, mesyuarat berkenaan bakal menentukan langkah intervensi kerajaan dalam merungkai isu barangan keperluan harian khususnya ayam.

"Langkah intervensi itu harus berteraskan rentas kementerian dan keseluruhan kerajaan demi memastikan sebarang usaha penyelesaian tidak dilaksanakan secara silo atau bekerja dalam komuniti sendiri serta tiada kesinambungan.

"Usaha rentas kementerian akan diketengahkan dalam mesyuarat berkenaan yang mana bakal mencakupi beberapa aspek asas di bawah kawal selia kementerian terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Alexander berkata, keputusan memansuhkan permit import (AP) adalah bertepatan hasrat menjamin kelangsungan bekalan namun ia memakan masa untuk dilaksanakan menyebabkan kerajaan tidak boleh mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat' pasca keputusan pemansuhan AP untuk memberi kesan pemulihan terhadap aspek perbekalan barangan keperluan harian di pasaran.

Katanya, pemansuhan AP mengambil masa untuk memberi kesan positif kepada pengguna berikutan perlu melalui proses perolehan, pensijilan halal, pemeriksaan kastam dan sebagainya.

Bagaimanapun, katanya, pemansuhan AP kelak akan mencetuskan lambakan bahan bekalan di pasaran, sekali gus memberi kelebihan kepada pengguna memandangkan bekalan lebih mudah didapati berbanding keadaan semasa.

Menurutnya, daya saing di pasaran juga akan lebih kompetitif selain mencetuskan pengurangan harga mengikut kuantum tertentu bergantung kepada aspek kualiti dan pembungkusan.

# Tiada tanda masalah pulih dalam tempoh terdekat

**Bayan Lepas:** Peniaga ayam dan pengguna di negeri ini menyuarakan keresahan berikutan masalah bekalan ayam belum menunjukkan tanda akan pulih dalam tempoh terdekat.

Tinjauan di Pasar Awam Bayan Baru di sini, mendapati orang ramai sanggup keluar seawal jam 7 pagi dan sabar beratur menunggu giliran untuk mendapatkan ayam segar.

Seorang peniaga, Mohd Fauzi Aris, 55, berkata sejak beberapa hari lalu dia menerima sekitar 200 hingga 300 ayam iaitu kurang separuh daripada tempahan biasa dan ayam yang diterimanya bersaiz agak kecil.

"Kami berusaha dapatkan bekalan ayam daripada beberapa pembekal di Seberang Perai dan ada yang minta 200 tapi cuma dapat 50 ekor sahaja.

"Ada pelanggan tanya saiz kecil begini adakah ia ayam kampung. Tapi ia memang ayam daging dan walaupun kecil, ayam tetap menjadi rebutan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang penyelia premis jualan ayam, Rizal Yusof, 35, berkata menjelang jam 8.30 pagi stok ayam segar di gerai cuma tinggal kira-kira 20 ekor dengan 90 peratus pelanggan membuat tempahan awal menyebabkan ayam cepat habis.

Katanya, kebiasaannya dia menempah 600 hingga 700 ekor ayam dari Seberang Perai dan Kulim, Kedah namun jumlah yang diperoleh sejak masalah bekalan berlaku hanya sekitar 400 ekor.

"Jika tiada masalah bekalan, kami mampu jual lebih banyak kerana permintaan tinggi. Lagipun pada cuti hujung minggu ramai yang buat rumah terbuka Aidilfitri atau jamuan makan untuk keluarga yang balik bercuti.

"Walaupun bekalan tidak mencukupi kami tidak membuat catuan. Kalau habis awal kami boleh kemas awal. Cuma kami berharap sangat bekalan kembali pulih secepat mungkin dan kami pun tidak tahu bila perkara ini akan selesai," katanya.

Bagi pelanggan, Nuraziah Muhd Azman, 42, dia tiada pilihan dan tetap akan membeli ayam dan menganggap harganya masih agak mahal biarpun dijual pada harga kawalan.

"Bagi saya harga ayam mahal sekarang ditambah upah potong ayam. Tapi tidak mengapa kerana ia memudahkan pengguna.

"Saya beli tiga ayam kerana saiznya kecil dan boleh bertahan untuk dua hari. Anak-anak lebih gemar ayam. Kalau beli ikan mereka kurang makan," kata ibu kepada empat anak itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

“Saya percepatkan mesyuarat Kabinet kerana isu yang banyak sekarang ini, bukan hanya membabitkan ayam, tetapi juga isu membabitkan kos sara hidup yang kita jangka meningkat”

***Ismail Sabri Yaakob,***
***Perdana Menteri***



### Isu ayam dan harga barang

# KPDNHEP, MAFI diarah bentang pelan

Oleh Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diarah mengemukakan pelan mengatasi isu ayam, peningkatan harga barang dan kos sara hidup pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Mesyuarat Kabinet yang biasanya diadakan pada setiap Rabu dipercepatkan ke hari ini, khusus bagi membincangkan isu bekalan bahan mentah, termasuk ayam dan peningkatan harga barang serta kos sara hidup yang membelenggu rakyat.

Arahan itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob susulan rungutan dan keresahan rakyat berkaitan pelbagai isu berkaitan makanan asas, termasuk kekurangan bekalan ayam di seluruh negara dan kenaikan harga barangan sejak kebelakangan ini menekan mereka.

Nasional 4

“Langkah intervensi kerajaan harus berteraskan rentas kementerian dan keseluruhan kerajaan demi memastikan usaha penyelesaian tidak dilaksanakan secara ‘silo’ dan tanpa kesinambungan”

***Alexander Nanta Linggi,***
***Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna***



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Syor wujud zon kekal pengeluaran ayam

> Paling dikhuatiri kekurangan bekalan ayam akan menyebabkan harga ikan terus meningkat apabila permintaannya pula bertambah
>
> *Ahmad Zahid Hamidi, Presiden UMNO*



## Langkah tangani isu kekurangan bekalan jangka panjang

Oleh Saadiah Ismail, Ekhwan Haque Fazlul Haque
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa mempertimbangkan cadangan mewujudkan zon kekal pengeluaran ayam bagi menstabilkan harga dan menjamin bekalan.

Gesaan itu dibuat Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai jalan penyelesaian jangka panjang bagi menangani masalah bekalan, selain menjimatkan dan boleh mengekalkan persaingan dalam pengeluaran ayam untuk rakyat.

"Ketika ini rakyat berdepan kesukaran mendapatkan bekalan ayam dengan golongan peniaga paling terbeban.

"Paling dikhuatiri kekurangan bekalan ayam akan menyebabkan harga ikan terus meningkat apabila permintaannya pula bertambah," katanya dalam hantaran di Facebooknya, semalam.

Ahmad Zahid turut menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menguasai industri penternakan ayam untuk mengatasi isu bekalan itu.

*BH* sebelum ini melaporkan kekurangan bekalan ayam dalam pasaran bermula sejak Oktober tahun lalu, dan bertambah buruk sejak Aidilfitri lalu.

Purata keperluan ayam di Malaysia adalah 2.09 juta ayam sehari atau 62.9 juta ayam sebulan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, isu bekalan ayam sudah diketahui sejak pandemik COVID-19, tetapi belum ada mekanisme yang efisien untuk menyelesaikan masalah itu.

"Implikasi permasalahan bekalan ayam tentu tidak begitu teruk jika kementerian berkaitan bersama penternak mencapai titik persefahaman sebelum ini.

"Akibatnya ada dakwaan beberapa syarikat penternak ayam bertindak menghentikan operasi ladang mereka yang dikatakan bagi memboikot tindakan lambat kerajaan membayar subsidi harga ayam 60 sen," katanya.

Dalam perkembangan sama, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) turut berpendapat sudah tiba masanya kerajaan memiliki ladang ayam yang diuruskan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang penternakan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman percaya stok bekalan ayam terputus di pasaran disebabkan bahan mentah itu dikawal kartel.

Katanya, mereka (kartel) boleh berbuat apa sahaja, termasuk mengehadkan bekalan ayam jika mahu memanipulasi harganya.

"Sudah tiba masa untuk kerajaan meneliti rancangan memiliki ladang ayam sendiri sebagai alternatif kepada syarikat swasta.

"Ia membabitkan isu sekuriti makanan untuk rakyat kerana bila-bila masa sahaja bekalan boleh dihad atau diputuskan walaupun untuk tempoh beberapa hari.

"Jangan biar terus ditekan dengan permainan pihak tertentu yang seakan mengugut kerajaan dengan mengehadkan bekalan dengan pelbagai alasan," katanya.

## Kerajaan kaji mansuh AP barang keperluan lain: PM

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang mengkaji memansuhkan kelulusan permit import (AP) bagi beberapa barang lain selepas pemansuhan keperluan itu terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta pada Rabu lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata langkah itu diharap dapat mengurangkan tekanan terhadap bekalan dan harga barangan.

"Sekurang-kurangnya dengan pemansuhan AP ini dapat mengurangkan tekanan terhadap bekalan barangan dan apabila banyak pihak yang terbabit (mengimport), harga boleh dikurangkan," katanya selepas merasmikan Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Rabu lalu, Perdana Menteri mengumumkan mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya bersetuju memansuhkan AP bagi bahan makanan untuk memastikan bekalan keperluan itu mencukupi.

Beliau berkata, dengan pemansuhan berkenaan sahaja boleh mengimport makanan ke negara ini sebagai antara usaha menangani isu keselamatan makanan.

# 'Krisis terburuk dalam tempoh lebih 20 tahun'

*Dari Muka 1*

Kebanyakan peniaga yang ditemui mendakwa krisis makanan, khususnya bekalan ayam yang dihadapi negara ketika ini adalah yang paling buruk dalam tempoh lebih 20 tahun.

Bercakap kepada media semalam, Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengarahkan Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee untuk membentangkan pelan mereka, termasuk perancangan jangka pendek dan panjang bagi menangani masalah berkenaan.

"Saya percepatkan mesyuarat Kabinet kerana isu yang banyak sekarang ini, bukan hanya membabitkan ayam, tetapi juga isu membabitkan kos sara hidup yang kita jangka meningkat.

"Ini masalah global, masalah perang dan sebagainya. Sudahlah ketika pandemik (COVID-19), tidak boleh keluarkan makanan dan bila elok sikit, tiba-tiba perang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, semalam.

Ismail Sabri menjelaskan, mesyuarat Kabinet hari ini juga khusus untuk mencari jalan bagaimana kerajaan dapat mengimbangi bekalan dan kenaikan harga yang mendadak sejak kebelakangan ini.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan tumpu kepada isu kenaikan harga secara mendadak ini, manakala Kementerian Pertanian dan Industri Makanan khusus bincangkan bekalan bahan makanan, termasuk ayam," katanya.

Untuk rekod, mesyuarat Kabinet biasanya diadakan pada setiap Rabu, manakala sepanjang sesi persidangan Dewan Rakyat, ia diadakan pada Jumaat.

Ismail Sabri berkata demikian ketika ditanya mengenai isu bekalan ayam yang semakin meruncing di seluruh negara dengan kebanyakan peniaga mendakwa tidak mendapat bekalan, manakala jika ada bekalan yang dihantar, ia jauh lebih kurang berbanding biasa.

Sementara itu, Alexander dalam kenyataannya percaya mesyuarat Kabinet hari ini dapat menentukan langkah intervensi kerajaan dalam menangani isu kekurangan bekalan ayam dan perkara berkaitan.

Beliau berkata, langkah intervensi itu harus berteraskan rentas kementerian dan keseluruhan kerajaan demi memastikan sebarang usaha penyelesaian tidak dilaksanakan secara 'silo' dan tanpa kesinambungan.

"Keputusan Jemaah Menteri untuk memansuhkan permit import (AP) juga bertepatan dengan hasrat menjamin kelangsungan bekalan. Mekanisme ini dibuat berteraskan jangkaan pemansuhan AP akan mencetuskan lambakan bekalan dalam pasaran.

"Justeru, ia akan memberi kelebihan kepada pengguna memandangkan bekalan lebih mudah didapati berbanding keadaan semasa. Daya saing di pasaran bagi barangan keperluan asas juga akan lebih kompetitif dan mencetuskan pengurangan harga," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemansuhan AP akan mengambil masa untuk kesan positif kepada pengguna.

"Hal ini kerana ia bergantung kepada kecepatan proses perolehan dilakukan, pensijilan halal, pemeriksaan kastam dan sebagainya.

"Kita tidak boleh mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat' pasca keputusan pemansuhan AP untuk ia memberi kesan pemulihan terhadap aspek perbekalan barangan keperluan harian di pasaran," katanya.

*BH* dalam laporan muka depannya semalam mendedahkan kekurangan bekalan ayam segar menyebabkan kebanyakan peniaga ayam di beberapa negeri kehabisan stok seawal jam 7 pagi dan terpaksa menutup awal perniagaan mereka.

Di beberapa negeri, peniaga terpaksa mencatu jumlah ayam untuk dijual kepada pelanggan disebabkan masalah sama. Lebih teruk, ada peniaga yang mendakwa terpaksa menutup perniagaan mereka pada Sabtu dan semalam.

Keadaan diburukkan lagi dengan pembelian panik oleh pelanggan disebabkan laporan ugutan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan sejak Sabtu lalu sebagai protes terhadap kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Tinjauan *BH* kelmarin dan semalam di beberapa pasar di seluruh negara mendapati peniaga ayam tidak lagi mempedulikan pematuhan harga kawalan ayam standard RM8.90 sekilogram yang ditetapkan kerajaan sebelum ini.

Malah, di kebanyakan pasar, ayam segar dijual pada harga sehingga RM12 sekilogram, malah ada yang menjual pada harga RM15 sekilogram, jauh lebih tinggi berbanding harga kawalan.

Rata-rata pembeli dan pengguna yang ditemui kecewa dengan kerajaan kerana gagal mengawal harga barangan makanan asas, termasuk ayam dan gandum selain tidak dapat memastikan bekalan mencukupi untuk keguna-an harian.

Mengenai kenaikan harga barang makanan, Ismail Sabri menjelaskan, ia antara lain disebabkan peperangan Russia-Ukraine yang mengakibatkan bekalan gandum dunia terjejas teruk kerana satu pertiga pengeluaran gandum dunia adalah dari dua negara itu.

"Beberapa negara pula menyekat eksport gandum kerana mengutamakan bekalan untuk diri sendiri. Jadi, jika mengikut teori ekonomi, apabila permintaan melebihi penawaran, sudah tentu harga meningkat," katanya.

Bank Dunia baru-baru ini meramalkan harga gandum boleh meningkat lebih 40 peratus tahun ini berikutan krisis Russia-Ukraine.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Sanggup bayar mahal demi dapatkan bekalan ayam

## Harga cecah RM15 sekilogram, pengguna lain berdepan masalah terpaksa cari alternatif lain

Oleh Zaid Salim, Omar Ahmad, Asrol Awang, Roselan Ab Malek, Siti Aminah Mohd Yusof dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketiadaan bekalan ayam di pasaran menyebabkan segelintir pengguna khususnya pengusaha kedai makan sanggup membayar harga tinggi sehingga mencecah RM15 sekilogram bagi mendapatkan bekalan makanan itu.

Walaupun ada yang sanggup mengeluarkan kos tinggi untuk mendapatkan bekalan ayam segar, senario itu sedikit sebanyak mengundang masalah kepada pengguna lain sehingga terpaksa memilih ayam tua atau ayam pencen sebagai alternatif, selain ada beralih kepada ayam kampung yang harganya lebih tinggi.

Tinjauan di Pasar Chow Kit di Jalan Raja Bot, di sini semalam mendapati permintaan tinggi terhadap ayam segar ketika stok berkurangan, menyebabkan harga bahan mentah itu melambung sehingga RM13 sekilogram.

Peniaga ayam, Hasan Mohamed, 45, mengakui terpaksa menjual ayam segar pada harga RM13 sekilogram memandangkan kekurangan stok mempengaruhi peningkatan harga melebihi paras siling ditetapkan kerajaan.

Hasan yang sudah 20 tahun berniaga di pasar berkenaan meminta pihak berkuasa mengambil tindakan wajar mengatasi isu bekalan ayam ini bagi mengelak pembekal dan peniaga menjadi sasaran dipersalahkan pengguna apabila harga barangan itu meningkat.

Di Terengganu, tinjauan di Pasar Chabang Tiga mendapati sebahagian gerai menjual ayam ditutup berikutan kehabisan stok, dengan peniaga, Zul Fakrul Amin Abdul Manan, 35, mengakui kesukaran mendapatkan ayam segar menyebabkan pengguna sanggup membayar harga tinggi.

"Bekalan daripada pembekal pula hanya dihantar separuh daripada tempahan, saya tidak tahu bagaimana kalau esok masih tidak ada bekalan," katanya.

Suri rumah dari Kampung Pulau Musang, Hasmah Yusuf, 36, mengakui sanggup membayar harga tinggi untuk mendapatkan bekalan ayam yang sememangnya menjadi menu wajib tiga anaknya.

"Saya sanggup bayar harga tinggi, janji boleh dapat ayam, namun peniaga tetap tidak mahu jual kerana stok ayam yang ada semuanya untuk tempahan," katanya.

Di Johor, krisis bekalan ayam dijangka terus meruncing sehingga minggu depan dengan tinjauan di Pasar Awam Larkin mendapati bekalan ayam diperoleh terlalu sedikit, manakala beberapa kedai menjual ayam tidak beroperasi.

Peniaga ayam segar, Syafie Yahya, 45, berkata dia hanya memperoleh kira-kira 200 ayam sahaja sejak isu bekalan ayam melanda dan ia hanya 30 hingga 40 peratus berbanding 500 ayam diterima sehari sebelum ini.

"Terpaksa jual ayam segar pada harga RM13 sekilogram memandangkan kekurangan stok mempengaruhi peningkatan harga"



*Hasan Mohamed, Peniaga ayam*

"Bekalan diterima akan menurun setiap hari kerana ayam memang tiada. Hari ini (semalam) ayam yang datang dari pembekal pun bersaiz kecil antara 900 gram (g) hingga 800g, saiz seperti burung puyuh," katanya.

Perkara sama dialami peniaga, Azman Marjusan, 57, yang hanya menerima 80 ayam sahaja, sedangkan sudah menempah 450 ayam daripada tiga pembekal.

Di Kuantan, ayam tua atau ayam 'pencen' yang dijual peniaga sebagai alternatif sejak beberapa hari lalu, tidak begitu mendapat sambutan pengguna.

Peniaga, Muhammad Amirul Assifa Zam, 23, berkata dia biasanya menempah 200 hingga 300 ayam segar untuk dijual setiap hari, namun sejak dua minggu lalu bekalan semakin berkurangan dan ada ketikanya langsung tidak mendapat bekalan.

Di Pulau Pinang, Tinjauan di Pasar Awam Bayan Baru mendapati orang ramai sanggup keluar seawal jam 7 pagi dan sabar beratur menunggu giliran untuk mendapatkan ayam segar.

Peniaga, Mohd Fauzi Aris, 55, berkata sejak beberapa hari lalu dia menerima sekitar 200 hingga 300 ekor ayam iaitu kurang separuh daripada tempahan biasa dan ayam yang diterima pula bersaiz agak kecil.

## MAFI segera proses beri subsidi kepada penternak

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menyegerakan proses penilaian pemberian subsidi ayam melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kepada penternak yang mengemukakan permohonan.

MAFI melalui kenyataan berkata, penternak yang memenuhi syarat dan mendapat kelulusan pembayaran akan memperoleh tuntutan dalam tempoh dijanjikan dan pihaknya akan mengadakan perjumpaan dan libat urus bersama semua pihak industri yang terbabit secara langsung dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran bekalan.

"MAFI memandang serius isu yang mengancam sekuriti makanan negara dan sentiasa berusaha dengan pihak berkepentingan dalam menstabilkan kembali bekalan.

"Ini bagi menjamin bekalan ayam mencukupi untuk keperluan negara sepanjang masa," katanya.

Sebelum ini terdapat laporan akhbar berhubung isu 'kartel' ayam yang bertindak memberhentikan operasi ladang, namun pemeriksaan dilakukan JPV terhadap pihak syarikat ladang ayam terbabit mendapati laporan itu kurang tepat.

MAFI menjelaskan, pihak syarikat ladang ayam terbabit memberikan jaminan bahawa ladang mereka akan terus membekalkan ayam untuk keperluan pasaran tempatan, khususnya ayam diproses sama ada dalam bentuk ayam bulat, ayam 'super', ayam 'standard' serta keratan ayam.

# Situasi terbaik ubah tabiat pemakanan ke arah lebih sihat

**Kuala Lumpur:** Kekurangan bekalan ayam ketika ini tidak sepatutnya mencetuskan suasana panik dalam kalangan masyarakat, sebaliknya ia situasi terbaik untuk mengubah tabiat pemakanan ke arah lebih sihat.

Pegawai Dietetik Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nor Fatimah Ishak, berkata daging ayam bukan satu-satunya sumber protein yang ada, sebaliknya khasiat sama juga boleh diperoleh daripada sumber lain seperti daging, ikan, tauhu, tempe, kekacang, susu dan produk tenusu lain.

Mengulas lanjut, katanya, mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia pada 2005, pengambilan protein sewajarnya sekitar 10 hingga 15 peratus daripada jumlah kalori harian, iaitu kira-kira 45 hingga 67 gram.

Justeru, beliau berkata, kekurangan ayam ketika ini sepatutnya tidak menjejaskan keperluan protein harian jika pengguna dapat memanfaatkan protein daripada sumber alternatif lain.

"Satu porsi (pinggan) protein bersamaan satu ketul ayam saiz sederhana, setengah ekor ikan kembung saiz sederhana, satu saiz kotak mancis daging, sekeping tauhu, dua biji telur dan segelas susu.

"Selain itu, kita juga disarankan mengambil sumber protein daripada ikan berbanding ayam kerana kandungan lemak yang rendah," katanya menjelaskan galakan memperbanyakkan pengambilan makanan berasaskan ikan disebabkan khasiatnya yang tinggi mengandungi omega 3 yang baik untuk jantung.

Nor Fatimah berkata, pengambilan ayam yang sihat adalah sekitar dua hingga tiga kali seminggu sahaja, manakala selebihnya mengambil protein daripada sumber lain termasuk makanan laut dan kekacang.

Mengulas kesukaran ibu bapa menukar diet anak yang gemarkan makanan berasaskan ayam, beliau berkata, kreativiti dalam penyediaan menu harian sedikit sebanyak membantu melakukan perubahan secara perlahan-lahan.

"Ibu bapa perlu kreatif dalam penyediaan makanan harian seperti melakukan modifikasi resipi menggunakan ikan atau kekacang bagi menarik anak-anak untuk menikmati makanan lebih sihat," katanya.

Pendapat sama dikongsi Pakar Pemakanan dan Dietetik, Prof Dr Hamid Jan Jan Mohamed, yang menyarankan pengguna menggantikan protein ayam dengan sumber lain seperti telur ayam, kekacang, ikan dan produk tenusu bagi mengatasi krisis bekalan ayam yang berlaku ketika ini.

Beliau berkata, variasi pelbagai jenis hidangan telur ayam seperti merebus, menggoreng atau membuat sup juga boleh dimanfaatkan bagi memastikan keluarga masih mendapat protein daripada sumber ayam, memandangkan khasiat protein pada telur ayam sama dengan dagingnya.

"Jadi, ibu bapa perlu bijak memanfaatkan sebaik mungkin hidangan berasaskan protein ayam untuk memastikan anak atau ahli keluarga lain mendapatkan sumber protein yang sama.

Mengulas jadual pemakanan kini, Hamid Jan berkata, pengguna masih boleh mengekalkan masa seperti biasa dengan tiga waktu utama, namun jika tiada bekalan ayam ia boleh digantikan dengan komposisi protein lain.

Katanya, jika sebelum ini ayam menjadi hidangan utama sebagai lauk, mungkin ia boleh digantikan sumber ikan ataupun mengambil contoh sarapan mi goreng, boleh diletakkan dengan telur goreng atau rebus.

"Jika tengah hari, hidangan nasi, sayur dan buah boleh diamalkan pengguna. Bahagian ayam pula boleh digantikan sumber protein kekacang seperti tempe atau ikan yang sudah pasti memberi keseimbangan dalam pemakanan seseorang.

"Maksudnya di sini, jadual pemakanan tidak perlu diubah 100 peratus apabila krisis bekalan ayam melanda, sebaliknya jadilah pengguna bijak. Cuma setiap kali kita makan, perlu dipastikan sumber protein setiap makanan itu sentiasa ada," katanya.

Beliau berkata, panduan 'Pinggan Sihat Malaysia' #SukuSukuSeparuh diperkenalkan Kementerian Kesihatan (KKM) boleh dipraktikkan pengguna dalam penggantian ayam sebagai sumber protein pemakanan rakyat Malaysia kini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Pendaratan ikan kurang sehingga 70 peratus sejak 2 bulan

**Alor Setar:** Pendaratan ikan, terutama di utara Semenanjung berkurangan sehingga 70 peratus iaitu daripada lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan, berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari berkata, kekurangan bekalan itu menyebabkan harga ikan di pasaran turut meningkat.

"Kekurangan bekalan ikan terutama di sebelah utara amat ketara berbanding tempoh sama tahun lalu, tangkapan nelayan pantai sangat berkurangan, termasuk tangkapan nelayan bot C.

"Kita dapati cuaca sekarang tak menentu, kadang-kadang air pasang datang tidak diduga dan begitu tinggi sehingga ada nelayan pantai yang keluar hanya dapat lima hingga 10 kilogram (kg) ikan sahaja, berbanding kelaziman 300kg.

"Keadaan ini seperti tak balik modal (untuk menampung kos) petrol mereka dan menyebabkan mereka rugi," katanya ketika ditemui selepas Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, ramai nelayan mengeluh susulan pendapatan mereka turut merosot disebabkan hasil yang berkurangan itu.

Katanya, harga ikan seperti ikan kembung bersaiz kecil kini dijual RM12 hingga RM14 sekilogram, berbanding antara RM3 hingga RM4 sebelum ini.

Dalam pada itu, Abd Salim berkata, faktor kekurangan awak-awak warga asing akibat pandemik COVID-19 turut menyebabkan tangkapan ikan bot besar berkurangan.

"Kita sarankan pengguna beli ikan sejuk beku atau Q Fish di pasaran dan kita yakin, bekalan ikan akan semakin pulih tidak lama lagi.

"Harga sekarang naik disebabkan bekalan kurang tetapi permintaan tinggi...apabila bekalan ikan pulih, harga akan kembali normal seperti biasa," katanya.

Sementara itu, bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad semalam mengagihkan ikan segar kepada orang ramai melalui program kemasyarakatan di Tasek Gelugor.

Menerusi program itu, Dzulkifli yang juga Penasihat Kelab Anak-Anak Pulau Pinang mengambil inisiatif mengagihkan 1.2 tan ikan kembung kepada lebih 1,000 penduduk sekitar kawasan terbabit.

# Kesan dapat dilihat dalam dua hingga 3 minggu lagi

## Tindakan diambil kerajaan bagi tangani masalah bekalan ayam

Oleh Saadiah Ismail dan Nazdy Harun
bbnews@bh.com.my

**Kuala Berang:** Kesan daripada tindakan pemansuhan permit import (AP) untuk bahan makanan oleh kerajaan yang berkuat kuasa Rabu lalu, dijangka dapat dilihat dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata tindakan itu sebahagian daripada pelbagai kaedah diambil kerajaan bagi mengatasi masalah berkaitan bekalan ayam, yang antara lain untuk mengelak berlakunya manipulasi dalam pasaran.

Justeru, beliau berkata, kerajaan membuka peluang kepada semua lapisan yang berminat dalam bidang ternakan ayam ini keputusan pemansuhan AP dibuat.

Bagaimanapun, katanya, calon berminat menyertai industri berkenaan perlulah memenuhi syarat ditetapkan, termasuk mempunyai modal, selain tenaga kerja terlatih yang mendapat kursus untuk penyembelihan.

"Kita (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalin kerjasama erat dalam memastikan bekalan ayam mencukupi bagi keperluan pengguna.

"Kita tidak menolak kekurangan bekalan mungkin berlaku, namun pemantauan ketat secara berterusan sedang dilakukan," katanya ketika ditemui pada Sambutan Hari Raya Perikatan Nasional (PN) Peringkat Hulu Terengganu di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, di sini, semalam.


Mansuh serta-merta AP import bahan makanan

Ekonomi Malaysia ala

*Keratan akhbar BH, 19 Mei lalu.*

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan kerajaan bersetuju memansuhkan keperluan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa serta-merta dan keputusan dibuat pada mesyuarat Kabinet dipengerusikannya itu bertujuan memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Mengulas kononnya penternak melakukan mogok sebagai antara punca berlaku krisis bekalan ayam kini, Rosol berkata, isu itu tidak timbul walaupun tuntutan untuk mendapatkan subsidi oleh penternak tidak menjadi kenyataan.

Berhubung tindakan peniaga yang mengenakan upah pemotongan ayam, beliau menasihati mereka supaya kadar harga diletakkan munasabah dan perlu mendapat persetujuan pembeli sebelum kerja memotong ayam dilakukan.

Dalam pada itu, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mencadangkan kerajaan memansuhkan AP bukan saja ke atas bekalan makanan, tetapi membabitkan semua perkara yang berkepentingan kepada rakyat.

Presidennya, Prof Datuk Dr N Marimuthu berkata, dalam suasana kos kelangsungan hidup tinggi, kerajaan harus faham dan tindakan segera perlu dilaksanakan, bukan lagi tarik tali dengan rakyat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

MAFI, KPDNHEP diminta bentang pelan bagi mengatasi beban dihadapi rakyat

# Kabinet bincang kos sara hidup, ayam

Oleh HARRITH HISHAM

**KUALA LUMPUR** – Kos sara hidup dan bekalan barang termasuk ayam akan menjadi fokus utama yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet khas pada hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau telah meminta agar mesyuarat itu dipercepatkan supaya isu besar itu dapat ditangani segera.

Menurutnya, penawaran bahan makanan ketika ini terjejas teruk antaranya gandum kerana satu pertiga bekalan dikeluarkan dari Rusia dan Ukraine termasuk sekatan eksport untuk kegunaan mereka.

"Jadi daripada teori ekonomi, jika permintaan lebih tinggi daripada penawaran, tentu harga akan meningkat dan mencetuskan inflasi.

"Jadi esok (hari ini), saya akan panggil mesyuarat Kabinet khusus bagaimana hendak kita mengimbangi kenaikan kos sara hidup dan bekalan ayam," katanya.



ISMAIL SABRI ketika meninjau jualan ayam segar di sebuah pasar di Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membentangkan pelan jangka pendek dan panjang bagi mengimbangi perkara tersebut.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan kerajaan sedang mengkaji untuk menghapuskan lebih banyak lesen import (AP) selain makanan bagi mengurangkan tekanan akibat kekurangan bekalan.

"Saya dah umumkan AP dihapuskan dan kini melihat kemungkinan lebih banyak AP sedang dikaji untuk dihapuskan.

"Kita berharap apabila AP dihapuskan, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan tekanan daripada kekurangan bekalan," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri mengumumkan menghapuskan AP terhadap bahan makanan berkuat kuasa pada 18 Mei lalu sebagai langkah drastik menjamin keselamatan dan bekalan makanan negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Peniaga hanya sempat berniaga sejam ekoran kekurangan bekalan

# Harga ayam cecah RM11 sekilogram

Oleh FIRDAUS HANAFI dan ALIF AZRAI GHAZALI

**KUALA LUMPUR** – Peniaga-peniaga ayam di sekitar Pasar Basah Datuk Keramat di sini terpaksa menaikkan harga kepada RM10 hingga RM11 sekilogram disebabkan stok ternakan tersebut semakin terhad.

Permintaan ayam sangat tinggi ketika ini kerana masih dalam musim perayaan tetapi bekalan yang diterima oleh peniaga amat sedikit.

Ketika ini, harga siling ayam yang ditetapkan kerajaan adalah RM8.90 sekilogram.

Seorang peniaga ayam yang mahu dikenali Abang Ali berkata, dia terpaksa naikkan harga sekilogram ayam kerana hanya menerima 2,500 ekor berbanding hari biasa sehingga 5,000 ekor.

"Susah nak dijangka situasi sekarang, kami peniaga pun pening sebab permintaan banyak, tambahan pula ramai orang buat jamuan rumah terbuka," ujarnya.

Tambahnya, situasi itu menyebabkan dia terpaksa mengehadkan penjualan ayam dengan memberi keutamaan kepada pelanggan tetap saja.

Seorang lagi peniaga ayam, Rahmat Roslin, 45, berkata, situasi yang berlaku ini bertambah sukar dengan tindakan sesetengah pengeluar ayam yang mengehadkan penghantaran.

"Tindakan pengeluar-pengeluar ini sangat menjejaskan kami yang berniaga, bukan sahaja kami, secara tidak langsung pelanggan kami juga menerima tempiasnya," ujarnya.



PENIAGA di Pasar Moden Seksyen 16, Shah Alam menutup kedai pada pukul 9 pagi selepas ayam segar habis dijual dalam tempoh sejam.





KERATAN Kosmo! semalam.

Di **Shah Alam Selangor** pula, rata-rata peniaga ayam di Pasar Moden Seksyen 16 di sini, hanya berniaga untuk tempoh sejam pagi semalam disebabkan stok sudah kehabisan.

Kata Shahrul Azman, 37, ayam habis dijual dalam masa sejam sahaja selepas dibuka pukul 6 pagi.

Ujarnya, ayam yang dibekalkan hari ini (semalam) sedikit kecil tetapi pelanggan sudah tidak memilih kerana risau kehabisan ayam.

"Saya buka kedai pada pukul 6 pagi dan orang ramai berpusu-pusu untuk mendapatkan ayam.

"Ramai pelanggan setia saya merupakan orang yang berniaga, mereka sedikit kecewa kerana tidak dapat membeli ayam mengikut keperluan kedai mereka," katanya.



KEADAAN pasar basah Datuk Keramat, Kuala Lumpur dipenuhi orang ramai membeli ayam semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | SINAR HARIAN | KRISIS BEKALAN AYAM | 6 |

# PM percepatkan mesyuarat kabinet

## Bagi bincang kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

KUALA LUMPUR



FOTO: BERNAMA

Mesyuarat kabinet dipercepatkan ke Isnin bagi membincangkan dua isu membabitkan kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam.

Mesyuarat kabinet yang biasanya diadakan pada Rabu diawalkan ke Isnin bagi membincangkan dua isu membabitkan kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya telah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membentangkan mengenai perkara terbabit.

"Esok (Isnin) dua kementerian ini akan membentangkan apakah perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang," katanya pada sidang akhbar di sini pada Ahad.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa berlakunya masalah kekurangan bekalan ayam segar susulan kehabisan stok.

Selain itu, turut dilaporkan harga semua barangan keperluan dijangka meningkat sehingga 60 peratus pada Jun depan.

Jelas Ismail Sabri, dua isu ini berlaku disebabkan fenomena global yang berlaku seperti perang melibatkan Rusia dan Ukraine.

"Penawaran kepada bahan makanan mungkin terjejas teruk kerana (kekurangan bekalan) gandum ini. 1/3 daripada pengeluaran dunia dikeluarkan oleh Rusia dan Ukraine.

"Saya difahamkan ada beberapa negara telah menyekat eksport gandum daripada negara mereka untuk kegunaan mereka sendiri. Jadi, kalau dari segi teori ekonomi permintaan melebihi daripada penawaran, tentu sahaja harga akan meningkat," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedang mengkaji bagi melihat lebih banyak lesen import (AP) selain makanan untuk dihapuskan.

"Banyak lagi AP-AP lain kita akan tengok, bukan setakat makanan sahaja. Kita harap, bila AP dihapuskan, sekurang-kurangnya boleh mengurangkan tekanan dari segi kekurangan bekalan barangan.

"Yang keduanya, kalau banyak pihak yang terlibat, mungkin harga pun boleh dikurangkan," jelas beliau.

## Permintaan tinggi musim perayaan punca bekalan ayam terganggu



IZHAM

**SHAH ALAM** - Selain peningkatan harga makanan ayam, permintaan tinggi bahan mentah itu ketika musim perayaan menjadi punca bekalan ayam terjejas di Selangor.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian Selangor, Izham Hashim berkata, bekalan ayam tersebut didakwa turut terganggu akibat penyakit yang melanda ayam-ayam di ladang.

Beliau bagaimanapun berkata, tiada laporan diterima berkenaan perkara tersebut.

Katanya, satu mesyuarat khas melibatkan jabatan dan agensi terlibat di bawah Jawatankuasa Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor pada Isnin.

"Saya dah minta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hubungi semua pembekal dan penternak ayam di Selangor untuk periksa status (bekalan ayam).

"Memang kita akan tengok (atasi isu bekalan ayam) kerana kebanyakannya berkaitan dengan kerajaan Persekutuan.

"Tapi untuk bahagian negeri, kita akan lihat apa yang dibantu untuk permudahkan dan melancarkan supaya tidak terganggu (bekalan ayam)," katanya.

## Peniaga ayam di Perlis catu jualan

**PADANG BESAR** - Rata-rata peniaga ayam di Perlis bertindak mencatu penjualannya susulan tindakan pengeluar menghentikan operasi buat sementara, dikatakan berpunca daripada berat ayam di ladang yang tidak mencapai standard untuk dipasarkan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perlis, Dr Adam Abdullah Kwan berkata, langkah mencatu jualan ayam itu dilaksanakan oleh peniaga sendiri bagi membolehkan lebih ramai pelanggan mendapat peluang untuk memperoleh bekalan ayam.

"Catuan dilaksanakan sendiri oleh penjual dan bukan daripada arahan penguat kuasa. Saya dimaklumkan pengeluar akan hantar 13,000 ekor ayam ke peniaga di negeri ini hari ini (Ahad)," katanya.

Seorang peniaga ayam yang ditemui, Wan Shahrul Wan Choh, 31, berkata, beliau tidak berniaga pada Sabtu disebabkan tiada bekalan ayam yang diterima.

"Mungkin bekalan ayam ada tetapi pengeluar tahan dulu keluaran ayam," katanya.

Menurutnya, bekalan ayam untuk Hari Raya Aidiladha nanti tidak boleh dijangka kerana risau tiada bekalan. - *Bernama*

## 'Mungkin terpaksa guna ikan untuk ganti ayam'



Muhammad Zaidi (kanan) mungkin terpaksa menggantikan ayam dengan ikan bagi nasi kukus yang dijualnya jika bekalan ayam masih sukar diperoleh.

**IPOH** - Susulan kekurangan bekalan ayam di pasaran, peniaga yang menggunakan ayam sebagai bahan utama terpaksa memikirkan strategi lain untuk menggantikan daging itu jika masalah berlarutan.

Bagi peniaga nasi kukus ayam berempah, Muhammad Zaidi Nordin, 37, setakat ini pihaknya belum menghadapi masalah bekalan ayam.

Katanya, pembekal masih boleh memenuhi permintaan namun mereka memberi bayangan mungkin akan berlaku kekurangan ayam di pasaran.

"Jadi kami terpaksa fikirkan alternatif lain. Mungkin gantikan ikan dengan ayam sebab masa bulan Ramadan lalu kita dah cuba buat dan jualan agak baik," katanya ketika ditemui di gerainya di Bandar Meru Raya di sini pada Ahad.

Pengasas francais Muiz Hot Chicken, Muhammad Muizzuddin Remle, 29, pula berkata, bekalan ayam yang diperlukan untuk memenuhi permintaan usahawan francaisnya memang tidak mencukupi ketika ini.

"Sebagai mengatasi masalah kekurangan bekalan ini, kita terpaksa mendapatkan ayam daripada pelbagai pembekal untuk tampung permintaan.

"Disebabkan kekurangan ayam ini juga, pembekal telah menaikkan harga daripada RM8.90 kepada RM11.30 sekilogram," katanya.

Sehubungan itu, Muhammad Muizzuddin menggesa kerajaan membawa masuk ayam import daripada Thailand dan Brazil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan itu.

Bagi peniaga sate, Mohd Azizi Abu Hassan, 37, bekalan isi ayam semakin sukar diperoleh sejak Sabtu.

Katanya, bekalan yang diambil di Teluk Intan sudah tidak dapat memenuhi permintaan.

Dia terpaksa ke Ipoh untuk mendapatkan bekalan tetapi dengan harga lebih tinggi daripada sebelum ini.

"Kalau bekalan terus berkurangan, mungkin terpaksa berhenti buat sate," katanya yang menjalankan perniagaan di Bagan Datuk.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | SINAR HARIAN | KRISIS BEKALAN AYAM | 5 |

# '20 tahun berniaga ayam, ini krisis terburuk'

Hanya bergantung dengan bekalan sedia ada

Laporan ZULHISHAM ISAHAK, SAIFULLAH AHMAD, ENGKU SHARIFUL AZNI, SYAMILAH ZULKIFLI dan NORAWAZNI YUSOF

PASIR GUDANG

Peniaga gerai nasi ayam di pekan Kota Masai di sini turut terjejas susulan bekalan ayam segar yang semakin berkurangan di negeri ini sejak beberapa hari lalu.

Pemilik gerai Nasi Ayam Krispi, Khairudin Derus, 51, berkata, keadaan itu menyebabkan dia tidak dapat menjual nasi ayam dalam kuantiti biasa dan hanya bergantung kepada bekalan sedia ada.

"Bekalan ayam terjejas sejak awal Ramadan lalu tetapi selepas Hari Raya Aidilfitri terutama beberapa hari lalu bekalan merosot semakin teruk. Kita minta 50 ekor ayam sehari tetapi pembekal hanya dapat bekalkan 14 ekor ayam sahaja untuk sehari.

"Kita pula mendapat harga ayam bukan RM8.90 seperti ditetapkan kerajaan tetapi RM10.50 untuk sekilogram. Ini membuatkan saya hanya dapat berniaga tiga hari seminggu akibat tiada bekalan ayam," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurutnya, bukan sahaja masalah ketiadaan bekalan ayam tetapi harga barang lain untuk perniagaannya seperti tepung yang sebelum ini berharga RM45 naik kepada RM63 seguni ketika ini dan perkembangan itu menyukarkan peniaga kecil sepertinya.

Perkara sama turut diakui, peniaga ayam di Pasar Awam Masai, Nizam Ahmad, 43, apabila bekalan ayam semakin sukar untuk diperoleh apabila pembekal memberikan alasan ketiadaan bekalan dari ladang ternakan ayam.

"Sekarang ini kalau kita tempah 300 ekor ayam, pembekal hanya mampu menghantar 80 hingga 100 ekor ayam sahaja. Bukan saya sahaja tetapi semua peniaga ayam di pasar ini mengalami nasib serupa," katanya.

Menurutnya, mereka hanya dapat beroperasi dalam masa yang singkat apabila sekitar jam 9 pagi semua bekalan ayam yang ada sudah habis terjual.

Nizam mendakwa, sejak dia berniaga ayam lebih 20 tahun lalu, ini merupakan situasi terburuk apabila bekalan ayam kehabisan malah harga diberikan pemborong juga tidak sama seperti ditetapkan kerajaan.



Ruzaimi hanya menjual ayam untuk tempahan daripada pengusaha kantin di kawasan perindustrian sekitar Pasir Gudang selepas bekalan sedia ada habis di Pasar Awam Masai, Pasir Gudang pada Ahad.

Katanya, semua peniaga ayam di pasar itu menjual ayam pada harga RM10.40 sekilogram kerana pembekal menjual kepada mereka pada harga RM8.90 sekilogram.

Seorang lagi peniaga ayam, Ruzaimi Hakim, 42, pula berkata, disebabkan bekalan ayam yang sedikit, dia tidak dapat menjual ayam kepada pelanggan di pasar itu kerana semuanya sudah ditempah peniaga makanan.

"Biasanya kita dapat bekalan 200 ekor ayam sehari tetapi sekarang ini antara 70 hingga 100 ekor sahaja. Bekalan ini tidak cukup untuk dijual seperti biasa kerana saya terpaksa membekalkan ayam untuk pengusaha kantin-kantin kilang di Pasir Gudang.

"Bagi mencukupkan bekalan ayam yang diminta, saya terpaksa ambil bekalan daripada empat hingga lima pemborong dengan harga tinggi. Kita terpaksa ambil kerana pemborong kata, kalau tidak mahu ambil, tidak apa, peniaga lain akan ambil," ujarnya.

Menurutnya, bekalan ayam ketika ini boleh dikatakan kritikal kerana hampir di semua tempat termasuk pasar raya sudah kehabisan dan pembekal memberikan alasan masalah itu berpunca daripada produktiviti ladang ternakan ayam.

## Ayam habis, peniaga nasi ayam di tiga negeri terpaksa tutup operasi

**SHAH ALAM** - Lantaran kehabisan bekalan ayam, seorang penjual nasi kukus ayam berempah terpaksa menutup gerainya di Seksyen 30 di sini.

Mohd Fauzi Aziz, 34, membuat keputusan demikian setelah gagal mendapatkan bekalan ayam mentah di beberapa buah kedai di sekitar kawasan terbabit.

Dia yang sebelum ini menggunakan 12 hingga 18 ekor ayam untuk memasak lauk nasi kukus, kini hanya boleh mendapat sebanyak lapan ekor ayam sehari.

"Kalau dulu, saya boleh jual sebanyak 90 hingga 100 bungkus nasi kukus ayam berempah sehari, sekarang cuma boleh jual sekitar 70 hingga 80 bungkus sahaja kerana ayam habis," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi penjual nasi ayam kunyit di Bandar Baru Bangi, Danial Aizat Ariff, 35, pula, menu tersebut terpaksa dihentikan jualannya kerana terkesan dengan kekurangan bekalan ayam.



MOHD FAUZI



DANIAL AIZAT



MAZLAN

Oleh itu, Danial terpaksa menumpukan kepada menu lain iaitu daging goreng kunyit sepenuhnya.

"Sebelum ini, saya boleh peroleh sekitar 30 kilogram (kg) ayam sehari, tapi ia berkurang sebanyak lima kilogram sahaja.

"Walaupun sebelum ini, saya boleh jual nasi ayam kunyit sebanyak 250 hingga 300 bungkus sehari. Tapi disebabkan tiada stok (ayam), menu tersebut terpaksa dihentikan," katanya.

Sementara itu, di **SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN,** masalah kekurangan bekalan ayam di pasaran memberi kesan berganda kepada peniaga restoran terutama yang menjual nasi ayam.

Restoran Nasi Ayam Kak Lina di Ampangan di sini terpaksa menutup cawangan keduanya di Seremban 2 pada Ahad dan kemungkinan akan menutup operasi bagi kedua-dua restoran pada Isnin susulan bekalan ayam tiada.

Pemiliknya, Mazlan Ibrahim, 50, berkata, dia terpaksa mendapatkan ayam di beberapa lokasi sehingga luar dari Negeri Sembilan bagi memastikan restorannya terus beroperasi.

"Tapi rasanya hari esok (Isnin) kami tak dapat buka kedai macam biasa kerana banyak peniaga ayam beritahu Isnin ayam tiada.

"Hari ini saja lima tempat saya pergi cari ayam dan itu pun terpaksa berebut dengan pelanggan lain kerana ada sesetengah peniaga yang mengehadkan pembelian bagi seorang pelanggan," katanya.

Menurut Mazlan, restorannya memerlukan 200 hingga 300 ekor ayam setiap hari, tetapi sejak tiga hari lalu hanya mampu memperolehi 50 ke 60 ekor ayam sahaja.

Katanya, sejak 25 tahun berniaga nasi ayam, pertama kali dia berhadapan masalah sebegitu dan menyifatkannya krisis paling buruk.

Di **KUANTAN, PAHANG,** peniaga nasi ayam dan nasi kukus, Nur Azizah Azhar, 39, berkata, dia terpaksa menutup gerai jualan sekiranya gagal mendapat bahan mentah itu.

Menurutnya, penjualan nasi yang diusahakan bergantung sepenuhnya kepada bekalan ayam.

"Hari ini (Ahad) saya dapat berniaga sebab semalam (Sabtu) dapat membeli tiga ekor ayam. Tapi jumlah jualan itu tidak sebanyak sebelum ini.

"Esok (Isnin) saya mungkin tidak dapat berniaga sebab hari ini (Ahad) cari ayam semua kedai dah habis," katanya yang tertekan dengan keadaan bekalan ayam yang semakin kritikal.

Sehubungan itu, Nur Azizah meminta agar kerajaan memikirkan jalan penyelesaian segera sebelum lebih ramai lagi peniaga yang bakal gulung tikar akibat ketidakstabilan bekalan ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | NST | MUKA DEPAN | 1 |


NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

PP413/09/2012 (030687) | MAY 23, 2022 | MONDAY | RM2.00





PIC BY FATHIL ASRI

# 'DESPERATE TIMES'

THE PM says the cabinet will today find ways to address the continuing shortage of chicken and the rising cost of living. Separately, the Domestic Trade and Consumer Affairs Minister explains the reason why current challenges necessitate 'desperate measures'.


» REPORTS BY **NURADZIMMAH DAIM** AND **KALBANA PERIMBANAYAGAM** ON **PAGE 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | NST | NEWS | 2 |

EARLY MEETING

# FOOD ISSUES: CABINET MEETING TODAY

## PM tells ministries to address chicken supply, food shortage and rising cost of living


KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my


THE weekly cabinet meeting on Wednesday has been brought forward to today to address food security issues, including the reported shortage of chicken.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said he had asked the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Agriculture and Food Industries Ministry to come up with short- and long-term plans.

"These will cover not just the chicken supply and food shortage issues but also matters related to the rising cost of living.

"The cabinet will convene earlier, today instead of on Wednesday, to find short- and long-term solutions to the food supply chain challenges if the Russia-Ukraine war continues.

"We will discuss in detail how to balance food demand and prices, and ensure that there is sufficient supply."

Ismail Sabri said the anticipated increase in the cost of living was a global phenomenon due to, among others, the Russia-Ukraine conflict and the Covid-19 pandemic, which affected food production and supply.

"Russia and Ukraine are among the world's major wheat producers and produce one third of the world's wheat. Now, with the war, I'm told that they have halted exports, for their own use.

"We will look into abolishing more approved permits (APs) in sectors that contribute to the food supply chain.

"This will, hopefully, ease the food supply disruption and reduce food prices," he said after officiating at the International Symposium of Bahasa Melayu in Menara Dewan Bahasa dan Pustaka here yesterday.

On May 20, Ismail Sabri had announced the abolishment of APs in the food import industry to ensure there was sufficient food supply.

Although APs are no longer required for the importation of agro-food commodities, importers must still have import permits to ensure bio-security control at the borders.



*A fishmonger tending to customers at a market in Bayan Baru, Penang, yesterday.* PIC BY MIKAIL ONG

*Page 1 pic: Some stalls selling chicken are empty at Pasar Datuk Keramat in Kuala Lumpur yesterday.*

## Nanta: Ministry to propose immediate measures

**KUALA LUMPUR:** The government cannot just "wait and see" to know the effects of the removal of the approved permit (APs) requirent on food supply.

Hence the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will present a proposal on interministerial efforts that cover several basic aspects under its jurisdiction at the cabinet meeting today.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said while the removal of the AP requirement for imported food would have a positive impact on consumers, it would take time to see the results.

He said it would depend on how fast the processes like procurement, halal certification and Customs inspections, among others, were conducted.

"The weekly cabinet meeting, which was moved to tomorrow (today) from Wednesday is greatly welcomed to determine government intervention to address issues involving daily necessities, especially chicken.

"The intervention should be based on an interministerial and 'whole of government' approaches to ensure the measures are not done in a silo," he said in a statement yesterday.

Nanta said the cabinet's decision to abolish APs for food imports was in line with the aim to ensure sufficient food supply.

The decision was made in anticipation of excess supplies in the market, which would benefit consumers, said Nanta.

Apart from that, he said, the market for essential items would be more competitive, leading to a drop in prices.

"Further announcements by the PM to do away with the AP requirement for other basic necessities were timely, given the current situation.

"Desperate times call for desperate measures. This is because the global market is driven by factors such as foreign currency exchange and the Russia-Ukraine war, which have a drastic impact on the supply chain." **By Nuradzimmah Daim**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 3 |

CHICKEN SUPPLY WOES

# IN A PICKLE OVER CHICKEN SHORTAGE



*A trader selling chicken at Pasar Besar Siti Khadijah in Kota Baru yesterday. Due to the soaring prices of chicken, the number of buyers has dwindled.* PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

People reeling from high prices of chicken, traders losing business due to drop in supply

HIDAYATIDAYU RAZALI
KOTA BARU
news@nst.com.my

RESTAURATEURS here are worried that they will not be able to meet customers' demand for chicken, which is in poor supply.

Traders here have raised the prices of food by between 50 sen and RM1 because they are paying more for chicken.

Trader Rosnani Zamri, 29, said she had to reduce the number of rice packets sold daily.

She said she used to sell about 800 packets of nasi khoumok a day. Now she sells only half of that.

"This is because our supplier provides only 50 chickens daily compared with 100 previously.

"Apart from the dwindling supply, chicken prices have also soared, leaving us with no choice but to raise the price of nasi khoumok to RM5.50 from RM5," said the trader, who operates her business in Jalan PCB, Cabang Tiga, here.

The mother of five hoped that the chicken supply crunch could be resolved soon as it had affected not only the income of restaurateurs like her, but also chicken sellers.



Zarina Abdullah

Chicken seller Zarina Abdullah, 53, said the supply issue was perennial, but that it had become critical in the last few days.

She said supply had fallen by up to 50 per cent, affecting her business.

As a trader, she said, she had obligations to buyers in terms of the number of birds sold a day.

"With supplies scarce, prices have soared. I hope this issue will be addressed soon and the prices of chicken will return to normal.

"Due to the soaring prices of chicken the number of buyers has also dwindled. They are likely looking at other meat sources such as fish," said Zarina, who runs a stall at Pasar Besar Siti Khadijah here.

In **Padang Besar**, most chicken traders have started rationing the number of chickens sold daily following poultry producers' move to halt operations temporarily. This was because the weight of chickens produced by the farms does not meet the standard requirement of the market.

Perlis Department of Veterinary Services director Dr Adam Abdullah Kwan told Bernama that the rationing was undertaken by the traders themselves to enable more customers to obtain chicken.

"The rationing is carried out by the traders themselves and not on the enforcement officers' orders.

"I was told that the producers will supply 13,000 chickens to traders in the state today (yesterday)."

Chicken trader Ismanizam Ismail, 40, said he faced problems when the producers could not supply chickens according to the number that he ordered.

"I ordered 200 chickens but received only 20. During Hari Raya Aidilfitri in previous years, I could sell 1,000 chickens, but this year, I sold only 150."

He said he had been experiencing the lowest chicken supply since the Chinese New Year in February this year.

Another trader, Wan Shahrul Wan Choh, 31, said he did not trade on Saturday because he did not receive the chicken that he had ordered.

"Perhaps there is a supply of chicken but the producers are holding back the (stock of) chickens."

He also said the supply of chicken for the Hari Raya Aidiladha celebration was uncertain.

Pulut ayam seller Rogayah Ali, 38, said she had to go to two or three shops to find chicken to enable her to make the dish.

"I had to close my business for three days because I could not get the chicken."

## 90pc of orders not delivered

**KUALA LUMPUR:** Customers and sellers in the Klang Valley are scratching their heads as chicken is largely unavailable for the second day running.

Checks at the Selangor wholesale market in Seri Kembangan, near here, yesterday morning showed that the majority of traders were unable to sell chicken as they did not receive their orders from suppliers. It is learnt that the supply disruption began on Saturday and that 90 per cent of supplies were not delivered following the closure of several major chicken farms.

Trader Zamri Muhamad said that he sold only 400 birds compared with the usual 1,500. He said this was the worst supply shortage in his 20 years in the poultry business.

"The supply today (yesterday) was just enough to cater for orders from restaurants. For regular consumers, there is absolutely no stock.

"All we have left are 'ayam kampung' and 'ayam tua', but demand is weak for these.

"The authorities need to do something to address this. Don't let a handful of them control the market to the extent that it impacts the whole supply chain."

Another seller, Robaiyah Amir, said the closure of major chicken farms had a massive impact on the sellers.

She said they still had to pay staff wages, rental and for freezer storage space despite not obtaining any chicken.

"Today (yesterday), I had only 250 chickens to sell. This has been worsening for the past few weeks.

"Small-time traders like me cannot sustain the business if this continues. Those in authority need to intervene quickly."

For customer Kyair Ismail, chicken is his family's main food as seafood has also increased in price.

He said if chicken prices rose even higher, it would add pressure on consumers like him, whose staple food is chicken.

"This cannot be allowed to continue. For normal consumers like me, chicken is cheaper than seafood.

"What choice do we have left if this problem persists? Prices will definitely increase when there is market manipulation." **By Ekhwan Haque Fazlul Haque**



*A woman buying chicken at the Selangor wholesale market in Putrajaya yesterday.* PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | NST | NATION/NEWS | 4 |

ONE STEP AHEAD

# 'SET UP FOOD STOCKPILES TO AVOID CRISIS'

## Govt can propose a bill or emergency ordinance to control supply chain, says expert

HANA NAZ HARUN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE government must stay one step ahead and carry out practical and aggressive intervention to deal with the food crisis, including setting up emergency stockpiles.

Political and security analyst Dr Noor Nirwandy Mat Noordin said the stockpiles should be strategically placed around the country with the help of the army and police.

"India, for example, has wheat reserves and implemented a wheat export ban. Other food-grain manufacturer countries will also try to hold their stocks in a crisis.

"So we should have an emergency stockpile warehouse to be prepared for any eventuality," he told the *New Straits Times* yesterday.

He is a senior lecturer at Universiti Teknologi Mara's Centre for Media and Information Warfare studies.

He said the government could propose a bill or emergency ordinance to intervene in the country's food production, manufacturing and distribution sector.

This would allow the government to ensure that it had control of the whole supply chain, and to prepare stakeholders for the worst case scenario, he added.

"We should look at this from a legal perspective, to use laws and regulations to require traders, manufacturers and agencies to commit to a national stockpile.



*Dr Noor Nirwandy Mat Noordin*

"If necessary, a new bill must be drafted so the government has access to the food distribution and manufacturing sector, where stakeholders are bound by the law to help with food supply in a food security crisis.

"This could be implemented like how Act 342 (Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988) was used to tackle the Covid-19 pandemic."

He said that in an emergency, the authorities must have control over basic necessities and could not allow market forces to work on their own.

"Elements of legality can move things around easily," he added.

He proposed the immediate formation of a committee, made up of academicians, suppliers and agencies, to discuss and formulate short- and long-term mechanisms to address food security.

A digital database of food suppliers and manufacturers should be made available, he said, for the government to identify and react to any disruption in the food supply chain.

"Addressing food security requires a combination of aggressive methods, and we must always be one step ahead before a crisis unfolds.

"This is a national issue that needs to be looked into, without any political intervention."

On Wednesday, United Nations (UN) secretary-general Antonio Guterres said he was "deeply concerned" about hunger becoming widespread, as the war in Ukraine threatened food security across the world.

The war between Ukraine and Russia had caused a sharp spike in global prices for grains, cooking oils, fuel and fertiliser, with UN agencies warning that the price hikes will worsen a food crisis in Africa.

In Malaysia, it was reported that four major chicken breeders and suppliers companies were suspending operations in a boycott due to the government's delay in providing a 60 sen subsidy per kg to the breeders.

It was reported that this boycott over the weekend might have caused losses totalling RM26 million to the industry.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had brought forward the cabinet meeting to-day from Wednesday, amid growing concerns about food supply shortage and the rising cost of living.

On May 20, he announced the abolishment of Approved Permits (AP) for the food import industry to ensure there was sufficient food supply in the country.

Although APs are no longer required to bring in agro-food commodities from abroad, importers must still have Import Permits to ensure bio-security control at borders.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |

# Searching for solutions

The Cabinet will meet today to find ways to lower the prices of essential foodstuffs and bring the supply of chicken under control. Industries and consumer groups are now calling for more Approved Permits and red tape to be abolished and better agricultural policies be put in place to buffer food supply shocks.

**> See reports on pages 6 and 9 by RAGANANTHINI VETHASALAM, DIYANA PFORDTEN and ALIZA SHAH**



Photos by AZMAN GHANI and RAJA FAISAL HISHAN/The Star

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE STAR | NATION | 6 |

# Prices of chicken dishes may go up

## Restaurants will be severely impacted if supply issue prolongs

**PETALING JAYA:** If left unresolved, the prolonged issue of chicken supply and costs may leave eateries with no choice but to increase the prices of dishes with chicken, say restaurants.

Malaysian Indian Restaurant Owners Association vice-president C. Krishnan said people often relied on chicken-based meals for their daily consumption as it was cheaper compared to other meats or seafood.

He said besides restaurants, the public might also be significantly affected if chicken supply and its cost continue to increase as it was always in high demand.

"Almost 80% of the protein served in most restaurants are either egg or chicken and we may eat chicken four to five days a week. Sometimes, we can even eat chicken three times a day," he said.

Krishnan said he was now buying chicken for between RM9.80 and RM10.50 per kg despite a ceiling price of RM8.90 and had been facing issues getting supply for over a week, often needing to go to several hypermarkets for his daily requirements.

"I usually order 25 to 30 whole chickens but my regular supplier can only supply 10 birds a day now," he said, adding that the shortage in supply and rising prices might affect the price of meals.

"A plate of mee goreng or nasi goreng can either get more expensive or go without chicken meat," he said, adding that the increasing costs of other essential items, such as vegetable and flour, would also impact food prices.

Rotol Group founder and managing director Datuk Seri Garry Chua, who owns various restaurant chains, said currently, there was no serious shortage of chicken supply but cautioned that many restaurants would be impacted should this situation worsen.

Many restaurants ranging from fast-food chains to high-end restaurants, he explained, used a lot of chicken-based products.

"If there really is a serious shortage, the sales of major restaurants and fast-food chains will be severely impacted," he said, adding that currently, restaurants were still absorbing the costs of fluctuating raw food prices.

"However, should it reach an unbearable stage, then price adjustments may need to be made," said Chua, who agreed with the government's move not to impose Approved Permits (AP) on the importation of foodstuff, especially when there is a shortage in local supply.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said despite increasing costs, his restaurants would maintain the food prices.

"We have not been increasing prices since 2018 and will try to maintain our prices and quality of service," he said.

On the chicken supply shortage, Jawahar said his restaurants had been receiving unusually smaller pieces of the meat in the past two days.

"We cannot sell chicken at the same prices we usually do," he said.

He suggested that the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry extend the Price Control and Anti-Profiteering Act to hypermarkets and wholesale markets to identify and monitor the price increases of chicken and other essential items.

Johor bakery, biscuit, confectionery, mee and kuay teow merchants association president Chink Poh Cheng described the rising cost of raw materials, energy and manpower as a "headache" that traders would have to face.

On Thursday, it was reported that Kuala Lumpur, Selangor, Negri Sembilan, Kedah and Perlis were expected to be hit with the shortage of chicken supply following the closure of a livestock farm over the weekend.

The poultry producer said it had to stop supplying chickens due to the chickens' inability to reach the supposed weight for its marketability.

Investigations carried out by Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Agriculture and Food Industries Ministry found that the chickens were suffering due to the lack of food supply besides being infected with diseases.

# Soaring prices leave a big hole in their pockets




**Cause for concern:** The price of fresh chicken has increased between RM9.80 and RM10.50 per kg despite a ceiling price of RM8.90. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

**PETALING JAYA:** Malaysians are feeling the pinch of the rising cost of living as they now have to fork out extra to buy essential goods.

In addition to the hefty price tags, some are concerned about the shortage of supply.

Nurina Muhammad, 36, said she never imagined that a food crisis would be unfolding so soon.

"The food shortage really scares me.

"I thought it will happen in 2050, but it is happening now," she said.

Nurina said the price of cooking oil was now close to RM40.

"There are many things that are going up such as powdered milk, condensed milk and others. Just a few things can cost more than RM300," she said.

"Suddenly you see there is an increase by RM2 to RM3."

The cat owner lamented that the prices of cat food and litter had also gone up.

"There is an RM15 difference in price in just two months," the freelancer from Kuala Lumpur said.

Meanwhile, K. Anandhi said she used to spend around RM50 for her daily groceries to feed a family of four.

"But now it is not enough. I have to fork out RM20 more. And I am not even buying items like seafood or mutton on a daily basis," the 63-year-old added.

Meanwhile, Ahmad Shahril from Petaling Jaya said he has been cooking meals of late as he could no longer afford to buy food from outside.

"I used to rely a lot on GrabFood for my meals but recently I noticed that the price has increased exorbitantly.

"There were days delivery alone was more than RM10 and it did not include the food," the 32-year-old said.

He said he has recently started buying his own groceries and cooked food in batches which could be stored for days.

"I cook a big batch and re-heat it and eat for a few days.

"It is cheaper that way than to buy food everyday," he said adding that he usually opts for chicken and vegetables as well as frozen food for his meals.

For more stories: **See page 9**

# Cabinet to discuss high cost of living, chicken supply

**PETALING JAYA:** The Cabinet meeting today on the rising prices of essential goods and the chicken supply issue will also look into measures to reduce the high cost of food.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the meeting had been brought forward to today from the usual Wednesdays to allow for discussions on both issues of growing concern.

Both the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Agriculture and Food Industries Ministry, he added, had been instructed to give a presentation on their short-term and long-term plans to mitigate the rising costs and supply issues.

"We will not only focus on the issue of chicken supply but we will also look at the two things.

"One is our cost of living which we predict will increase. This is a global phenomenon due to the war (Russia-Ukraine).

"Both countries produce one-third of the world's wheat and I was also informed that some countries have halted their exports for their own use. So, looking at economic theory, if we have more demand than supply, the price of goods will increase.

"During the Cabinet meeting, we will specifically look at means to mitigate the rising prices of goods. We have asked the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to present on this as well as on the chicken supply.

"Both ministries will present short-term and long-term plans because if the war continues, it will leave behind long-term effects," he told reporters after launching the International Symposium on Bahasa Melayu at Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka yesterday.

The government, said Ismail Sabri, would also look at abolishing other Approved Permits (APs) to address the issues of food supply and prices.

"I have abolished the AP (for the import of foodstuffs). So, maybe we will look into the other APs as well," he added.

On May 20, Ismail Sabri announced that the government had agreed not to impose APs on the import of foodstuffs with immediate effect.

**Watch the video**
**TheStarTV.com**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Chicken traders ration sales due to shortage

**PADANG BESAR:** Most chicken traders in Perlis have started rationing their sales after producers decided to halt operations temporarily. This was because the weight of the chickens produced by the farms did not meet the marketing standard requirements.

Perlis Department of Veterinary Services director Dr Adam Abdullah Kwan said the move to ration the sale of chickens was implemented by the traders themselves, to enable more customers to obtain chicken supplies.

"The rationing is not on the instructions of the enforcement officer," he said.

Chicken trader Ismanizam Ismail, 40, said he faced problems when the producers could not supply the amount he ordered.

"I ordered 200 chickens but only received 20. During Aidilfitri celebrations in previous years, I could sell 1,000 chickens, but this year, I only sold 150 chickens," he said.

Another chicken trader, Wan Shahrul Wan Choh, 31, said he did not trade on Saturday because he did not receive any supplies.

A customer, Rogayah Ali, 38, said she had to go to a few shops to get her supply for her "pulut ayam". – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Daging halal: Bukan rasuah tapi tidak patuh SOP

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Siasatan awal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati isu rumah sembelih haiwan di Australia yang status halalnya diragui tiada kaitan dengan rasuah sebaliknya lebih kepada tidak patuh kepada prosedur operasi standard (SOP).

Sumber SPRM berkata, selepas menerima aduan dikaitkan dengan integriti pegawai Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam isu pelanggaran protokol halal, SPRM telah mengambil keterangan tiga individu.

Mereka ialah Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Noor dan dua pegawai Urusetia Halal Jakim.

Bagaimanapun, kata sumber, siasatan awal SPRM mendapati isu yang dibangkitkan tiada unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Sebaliknya, isu yang dibangkitkan lebih kepada isu ketidakpatuhan pusat penyembelihan tersebut dengan SOP ditetapkan Jakim berlandaskan keperluan halal.


Isu rumah sembelihan langgar protokol halal, nama pegawai Jakim didedah hari ini

Pekemas lapor SPRM, PDRM



"Jadi, setakat ini tidak nampak apa kesalahan dibawah Akta SPRM," katanya.

Mengulas lanjut, kata sumber, maklumat yang diperoleh Presiden Pekemas adalah daripada beberapa orang yang pernah bekerja di pusat penyembelihan di Australia.

"Difahamkan, pihak SPRM akan mencadangkan satu fail pemeriksaan perundingan dibuka untuk melihat isu tersebut," jelasnya.

Khamis lalu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan menerima laporan dibuat pihak Pekemas seterusnya membuat semakan dan kajian maklumat berkaitan yang diterima.

Kata beliau, ini termasuk memanggil mereka yang mengemukakan laporan itu untuk memberi maklumat lanjut khususnya berkaitan isu di bawah fungsi SPRM.

Faizan sebelum ini membuat laporan SPRM atas isu berkenaan kerana dipercayai wujud pelanggaran integriti beberapa pegawai Jakim itu seolah-olah hanya memejamkan mata dan membenarkan segala salah laku berlaku tanpa pemantauan sebaiknya.

Sedangkan katanya, tindakan pemeriksaan dan pemantauan adalah di bawah tanggungjawab pegawai termasuk seorang pengurusan tertinggi jabatan berkenaan.

Menurut Faizan, SPRM akan membentangkan laporan isu tersebut dalam mesyuarat suruhanjaya itu, seterusnya melantik pegawai penyiasat berdasarkan SOP siasatan suruhanjaya berkenaan.

Faizan adalah salah seorang yang mendedahkan bukti menerusi maklumat daripada pekerja rumah penyembelihan di Australia, termasuk rakaman video ketidakpatuhan yang berlaku bertahun-tahun.

# Jakim pertahan pematuhan halal

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan berhubung isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia.

Dalam satu artikel kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff menegaskan, ini termasuk mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

Tegasnya, jika terbukti berlakunya pelanggaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa bertanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya.

Menurut beliau, khusus di Australia, Jakim telah meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab menyelia dan memantau rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang mendapat kelulusan mengeksport produk ke Malaysia bersama dengan badan pensijilan halal diiktiraf Jakim.

"Bagaimanapun, semua keperluan dan mekanisme yang dinyatakan di atas belum memadai sehinggalah Jakim sendiri menjalankan pengauditan dan penilaian lapangan bagi mengesahkan dan membuat perakuan halal.

"Pengauditan secara bersama dengan auditor Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) saling melengkapi aspek keselamatan, kualiti dan pematuhan halal," kata beliau.

Isu integriti Jakim mula mencetuskan persoalan ramai susulan pendedahan *Utusan Malaysia* mengenai kesahihan sijil halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia.

Operasi premis itu pernah digantung Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana tidak mematuhi protokol ketat Jakim tetapi masih mengeksport daging dengan label halal diragui ke Malaysia.

Isu itu mengakibatkan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat membuat laporan integriti Jakim kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mengulas lanjut, Hakimah berkata, hasil penemuan dan dapatan dalam konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat Jakim dan dua peringkat seterusnya diurusetiakan oleh JPV sebelum satu keputusan diberikan.

Jelas beliau, setiap penemuan ketidakakuran semasa audit akan dibentangkan oleh auditor dan dibincangkan secara mendalam untuk mendapatkan keputusan sama ada wajar diberi kelulusan atau tidak diluluskan.

Katanya, keputusan akhir daripada mesyuarat ini adalah penentu bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan di dalam senarai rumah sembelih atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasilan daging ke Malaysia di laman sesawang JPV www.dvs.gov.my.

■ Rencana penuh di muka 15


**HAKIMAH MOHD. YUSOFF**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |



ORANG ramai di Ampangan, Seremban beratur untuk membeli ayam ekoran bekalan ayam yang terhad selepas kartel ayam menutup ladang selama dua hari. Situasi sama dilaporkan berlaku di seluruh negara.

## Ada 227 PPK, 14 PPN dan satu juta ahli

# Nafas sedia urus bekalan ayam negara

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sedia membantu menyelesaikan isu rantaian bekalan ayam yang ketika ini dikuasai oleh kartel dianggotai syarikat-syarikat swasta yang hanya memikirkan soal keuntungan berlipat kali ganda semata-sama.

Difahamkan, kartel terbabit sanggup melakukan apa sahaja termasuk menghapuskan anak-anak ayam yang dihasilkan mereka, dipercayai bagi 'memboikot' tindakan lambat kerajaan membayar subsidi harga ayam 60 sen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, selagi isu monopoli itu tidak ditangani, negara akan terus berdepan masalah kekurangan bekalan ayam.

Akhirnya, kata beliau, hasrat kerajaan membantu meringankan beban kenaikan harga barangan dihadapi golongan berpendapatan rendah (B40) dan menyediakan bahan makanan kepada rakyat dengan harga berpatutan tidak akan dapat diselesaikan.

"Siapa yang sorok ayam, siapa yang hapuskan ayam. Semua mereka buat, ini dilakukan kerana mereka hendak cari untung lebih.

"Jadi, sudah sampai masanya kerajaan hapuskan kartel, tamatkan penguasaan syarikat-syarikat swasta dan kita hasilkan sendiri dengan menyerahkan tanggungjawab itu kepada Nafas.

"Setiap bulan RM400 juta subsidi ditanggung kerajaan untuk ayam dan telur ayam. Serah kepada Nafas, kita mempunyai rangkaian 227 pertubuhan peladang kawasan (PPK) seluruh negara dan 14 pertubuhan peladang negeri (PPN) dengan satu juta keahlian.

"Kita juga ada kilang memproses ayam, kilang proses makanan ayam, kilang menghasilkan baka dan benih ayam. Kita mempunyai cukup pengalaman dan dengan rangkaian yang ada, kita akan kembangkan di seluruh negara dan mengeluarkan dua ke tiga juta ayam sebulan," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bahawa, kartel didakwa menipu pihak berkuasa dengan memberi alasan berlaku masalah 'tumbesaran ayam' untuk menutup operasi ladang antara dua hingga tiga hari bermula semalam.

Walaupun setakat ini, hanya empat syarikat penternak dilaporkan menghentikan operasi, syarikat lain di seluruh negara juga dijangka bakal menyertai 'konspirasi' itu.

Ini dipercayai bagi memberi tekanan kepada kerajaan susulan bayaran subsidi harga ayam 60 sen yang didakwa lewat.

Tindakan penutupan operasi ladang menjejaskan jualan ayam dan tinjauan di beberapa buah negeri semalam mendapati peniaga dan pembeli mula mengeluh kerana kekurangan bekalan.

Malah ada pelanggan yang terpaksa memikirkan semula untuk menyediakan juadah jamuan raya susulan masalah bekalan ayam di pasaran.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, sudah sampai masanya kerajaan memberikan peruntukan besar kepada Nafas untuk menguruskan soal pengeluaran ayam negara sekali gus mengatasi masalah rantaian bekalan yang kerap berlaku.

"Nafas harap kerajaan dapat memberikan geran kepada Nafas. Jika kerajaan boleh memberikan geran kepada agensi sehingga berjumlah RM250 juta, Nafas juga perlu diberikan geran.

"Selama ini, Nafas telah banyak membantu kerajaan antaranya kita mengeluarkan baja. Jadi saya harap pimpinan baharu negara diterajui Datuk Seri Ismail Sabri yang pernah menjadi Menteri Pertanian melihat perkara ini secara serius," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting, penguasaan kartel dan syarikat-syarikat swasta yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata dapat dihapuskan sekali gus menjamin bekalan ayam negara pada masa depan.

# Wujudkan zon kekal pengeluaran ayam

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu mewujudkan zon kekal pengeluaran ayam di negara ini bagi membolehkan harga makanan itu distabilkan dan bekalan ayam terjamin sepanjang masa.

Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, isu berhubung bekalan ayam sudah lama diketahui sejak pandemik, tetapi belum dilihat mekanisme yang efisien untuk berdepan isu tersebut.

Katanya, implikasi permasalahan bekalan ayam tentu tidak begitu teruk jika kementerian berkaitan bersama penternak mencapai titik persefahaman sebelum ini.

"Penyelesaian jangka panjang itu bukan hanya dikatakan menjimatkan banyak, malah mengekalkan kadar kompetitif pengeluaran ayam untuk rakyat Malaysia," katanya semalam.

Persatuan penternak ayam sebelum ini mendakwa permasalahan bekalan ayam, harga bekalan dan kenaikan kos dedak tidak diselesaikan secara serius oleh kementerian yang bertanggungjawab.

Sementara itu, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah meminta orang ramai memboikot ayam sekurang-kurangnya seminggu bagi 'mengajar' kartel yang menguasai pasaran.

Katanya, isu rantaian bekalan ayam terus berlaku di negara ini kerana kumpulan kartel hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata.

"Kartel fikir dalam soal ini (isu bekalan ayam), mereka adalah raja.

"Kita henti beli ayam seketika, jika kartel mahu boikot keluarkan ayam, kita (pengguna) ajar mereka dengan boikot beli ayam, kita lihat siapa raja yang sebenarnya," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pengguna juga boleh bertukar kepada ikan yang turut mempunyai sumber protein tinggi.



HARGA ikan yang lebih tinggi menjadikan makanan laut itu bukan alternatif terbaik bagi menggantikan penggunaan ayam.

# Ikan, daging terlalu mahal untuk ganti ayam

**KUALA SELANGOR:** Ikan atau makanan laut lain serta daging dilihat bukan alternatif terbaik untuk menggantikan ayam sebagai makanan seisi keluarga berikutan harganya yang berganda lebih mahal.

Malah, perbelanjaan untuk seisi keluarga untuk menjadikan ikan sebagai sumber protein alternatif akan meningkat mendadak terutama bagi mereka mempunyai isi rumah yang ramai.

Menurut pengunjung Pasar Awam Sungai Buloh, Jeram, Rosnani Tugimin, 49, sangat sukar untuk mencari ikan berharga di bawah RM10 sekilogram sekarang walaupun di pasar-pasar yang dikatakan jeti pendaratan ikan.

"Terkejut bila peniaga beritahu bekalan ayam terhad, tak mungkin saya dan keluarga akan beli ikan atau daging untuk gantikan ayam sebab harganya jauh lebih mahal.

"Bayangkan berapa ekor ikan seperti kembong yang kita dapat bagi setiap kilogram yang dibeli. Berapa kilo kena beli, berapa banyak menu boleh dimasak," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 2 |

# AP abolition to stabilise food supply, says Nanta

**PUTRAJAYA:** The abolition of approved permits (AP) for food products is in line with the government's desire to ensure continuity in supplies, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said it is also expected to create excess supplies in the market that would benefit consumers as food products would be easily available compared with the current situation.

He added that the market for basic necessities would be more competitive and this is expected to trigger a drop in prices, depending on the quality and packaging of products.

Last Wednesday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government agreed not to impose AP for the import of foodstuff with immediate effect, to ensure sufficient food supply in the country.

He said it would take some time for the AP abolition to have a positive impact on consumers as it depended on several factors such as the procurement process, halal certification and customs inspection.

Nanta welcomed the Cabinet meeting scheduled for today as it would determine the government's intervention measures in resolving the issue over daily necessities, especially chicken.

He said the intervention should take a cross-ministry and whole of government approach to ensure that efforts to solve the problem are not implemented in silos and with no continuity.

Earlier, Ismail Sabri announced that the Cabinet meeting today would discuss the issue of rising cost of living and food supply.
– Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI KEDAH | 36 |

# Selesai segera isu bekalan baja lewat

Baja sepatutnya telah ditabur untuk tumbesaran anak padi

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

**ALOR SETAR**

Kerajaan digesa menyelesaikan segera isu kelewatan baja untuk kegunaan sawah padi yang menggusarkan petani di beberapa kawasan terlibat di Kedah.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar memberitahu, beliau menerima aduan petani yang mendakwa belum menerima bekalan baja yang dikhuatiri mengganggu tumbesaran anak padi.

"Isu kelewatan bekalan baja tidak timbul di sini (Kampung Padang) tetapi kerajaan didapati lewat membekalkan baja di kawasan lain. Boleh dikatakan, kebanyakan tempat masih belum mendapat bekalan baja subsidi yang sepatutnya telah pun diberikan kepada petani sekarang.

"Sebabnya, apabila anak padi sudah memasuki usia 11 hingga 15 hari, ia perlu ditabur baja namun ada kawasan memaklumkan belum menerima baja walaupun telah mencapai tempoh sebulan," katanya ketika ditemui di sini pada Sabtu.

Beliau berkata demikian ketika turun padang melihat sawah padi berhampiran Dangau Semangat Padi, Kampung Padang, mukim Hutan Kampung.



Mahfuz (duduk, kiri) bersama petani melihat hasil tanaman padi berhampiran Dangau Semangat Padi, Kampung Padang, mukim Hutan Kampung pada Sabtu.

Mahfuz menjelaskan, ada anak padi di kawasan tertentu yang telah mencapai usia 40 hari masih belum ditabur baja akibat ketiadaan bekalan baja ketika ini.

"Sekiranya, anak padi berusia 40 hari masih tidak menerima taburan baja, jadi bagaimana hendak mendapat hasil pengeluaran yang baik," katanya.

Beliau berkata, ada pihak menyatakan kelewatan baja kepada petani disebabkan konflik antara Rusia dan Ukraine, bagaimanapun sepatutnya ada tindakan diambil bagi mengatasi masalah itu.

Katanya, ketika ini ada petani memberitahu terpaksa menggunakan bekalan baja yang lama untuk sawah padi mereka namun ia masih belum mencukupi. Apatah lagi, baja lama tidak sesuai untuk digunakan terhadap anak padi, sekali gus berharap kerajaan menyelesaikan segera isu ini.

Mahfuz berkata, kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan petani mendapatkan bekalan baja pada waktu tepat.

Katanya, antara isu lain perlu diberikan perhatian termasuklah masalah kekurangan air di petak sawah yang dikhuatiri mampu menjejaskan tanaman padi.

Beliau meluahkan kebimbangan hasil tanaman padi akan berkurangan sekiranya isu kelewatan agihan baja dan kekurangan air di petak sawah yang timbul tidak diatasi.

Dalam perkembangan sama, Mahfuz berkata, beliau menyambut baik petani mewujudkan Kumpulan Semangat Padi untuk menggerakkan kesedaran masyarakat khususnya anak muda untuk kembali kepada sawah padi.

Ujarnya, kumpulan ini memiliki sasaran tersendiri hasil pengeluaran padi bagi setiap petak sawah tetapi ia dikhuatiri sukar dicapai sekiranya baja tidak dapat dibekalkan pada waktu tepat dan air tidak mencukupi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Peniaga ayam ambil bekalan dari luar Lembah Klang

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
dan MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Pembekal ayam segar di negeri ini didakwa menjual sumber makanan itu pada harga yang tinggi sekitar RM7 berbanding negeri lain sekitar RM5.00 menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di peringkat runcit.

Kekurangan ayam turut disumbang sikap beberapa pembekal yang didakwa mengurangkan kuantiti bekalan kepada peniaga termasuk di luar bandar menyebabkan mereka tiada pilihan lain selain mencari alternatif lain untuk meneruskan operasi perniagaan.

Masalah tersebut disuarakan seorang peniaga dekat sebuah pasar di Sungai Buloh, Kuala Selangor apabila mendakwa terpaksa mendapatkan bekalan ayam dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan berikutan pembekal asalnya tidak mahu memenuhi tempahan.

Katanya, dia terpaksa menggunakan alternatif tersebut untuk mendapatkan bekalan ayam dan dalam masa sama pada harga berpatutan walaupun jumlah diperoleh daripada pembekal berkenaan tidak seperti diharapkan.

"Sejak semalam dan kelmarin, bekalan daripada pembekal asal sudah pun terputus dan langsung tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan yang datang terus ke kedai untuk membelinya kerana jumlah kuantiti ayam diperoleh cuma 120 ekor berbanding jualan harian 200 hingga 300 ekor.

"Itu pun selepas merayu kepada pembekal supaya menambah bekalan sebab asalnya mereka hanya beri 80 ekor. Saya memang terpaksa ambil di Kuala Pilah dan pergi ke ladang tersebut sebaik sahaja kedai ditutup pada pukul 12 tengah hari," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Jelas peniaga itu, harga yang ditawarkan oleh pembekal di sana adalah RM5.20 jauh lebih rendah dan jualannya mencukupi untuk menampung kos pengangkutan dan gaji pekerja.

Kelmarin, akhbar melaporkan empat syarikat penternak menghentikan operasi, sementara syarikat lain di seluruh negara bakal menyertai konspirasi itu selepas dikatakan tidak berpuas hati dengan kelewatan bayaran subsidi 60 sen daripada kerajaan.

Tindakan penutupan operasi ladang menjejaskan jualan ayam dan tinjauan di beberapa buah negeri sebelum ini mendapati peniaga dan pembeli mula mengeluh kerana kekurangan bekalan.

Sehubungan itu, tinjauan di beberapa lokasi termasuk pasar awam dan kedai jualan ayam segar di sekitar Selangor mendapati bekalan ayam habis seawal pukul 7.30 pagi apabila tidak banyak bekalan diperoleh untuk dijual kepada pelanggan yang datang.

Seorang peniaga kedai jualan ayam segar di Kampung Bukit Kuching, Jeram memaklumkan, baki ayam mentah yang terdapat di premisnya adalah milik pelanggan yang sudah pun membuat tempahan sejak dua hari lepas.



AYAM segar di sekitar Sungai Buloh dan Jeram, Kuala Selangor habis dijual seawal pukul 7.30 pagi selepas peniaga mendakwa mengalami kekurangan bekalan ayam daripada pembekal sejak kelmarin. - UTUSAN/ MOHAMAD ATHIR ISMAIL

# Pembeli mengeluh, ayam habis seawal 8 pagi



HIKMAL Md. Yatim memotong ayam segar yang ditempah oleh pelanggan di Pasar Simpang Empat, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN / NUR NAZLINA NADZARI

**PETALING JAYA:** Ramai peniaga mengeluh berikutan bekalan ayam segar kehabisan stok sehingga menjejaskan perniagaan mereka.

Malah, bahan mentah berkenaan dikatakan habis di pasaran seawal pukul 8 pagi.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa pasar awam mendapati ramai yang terpaksa pulang dengan tangan kosong jika terlambat datang ke pasar-pasar basah.

Di Kangar, seorang pengguna Ahmad Muliady Abdul Majid yang keluar rumah pukul 7.30 pagi ke pasar bagi mendapatkan bahan mentah tersebut, namun, terpaksa pulang tangan kosong.

Dia pergi ke tiga lokasi iaitu kedai ayam di Seriab, Pasar Sena dan pasar pagi Titi Chai, namun, semua peniaga memaklumkan ayam sudah habis.

"Jika pukul 8 pagi ayam sudah habis, memang melampaulah,"

"Apabila sampai di kedai ayam Seriab pada pukul 7.50 pagi, sudah ada notis yang memaklumkan semua ayam habis ditempah. Saya kemudian ke Pasar Sena dan pasar pagi Titi Chai dan mendapati semua bekalan ayam juga habis," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan peniaga-peniaga ayam segar di pasar-pasar utama di daerah ini menjangkakan mereka tidak akan beroperasi beberapa hari ini ekoran kekurangan bekalan ayam yang diperoleh mereka.

Masing-masing juga mengakui kekurangan bekalan tersebut ekoran terdapat ladang-ladang ayam utama yang menghentikan operasi dua hari bermula semalam.

Seorang peniaga, Hikmal Md Yatim, 35, berkata, bekalan ayam yang diterima kurang dan pembekal tidak dapat membekalkan jumlah bahan mentah tersebut seperti yang ditempah.

"Kami minta ayam sebanyak 830 ekor daripada pembekal, tapi bila sampai hanya 730 ekor iaitu kurang 100 ekor daripada yang kami tempah malam sebelumnya," ujarnya.

Dalam pada itu, Rahmah Abdul, 73, berkata, ayam cepat habis disebabkan ramai pelanggan yang bukan dari kawasan setempat datang membeli di pasar di sini.

"Kalau dulu, pukul 12 tengah hari pun masih ada ayam, tetapi sekarang pukul 9 pagi sudah habis terjual," katanya.

Sementara itu, di Seremban, beberapa peniaga ayam segar di pasar utama di daerah ini tidak menjalankan perniagaan mereka kelmarin berikutan isu kekurangan bekalan makanan tersebut.

Tinjauan di Pasar Besar Seremban mendapati, daripada enam buah peniaga ayam segar Melayu, hanya dua peniaga yang beroperasi.

Di Pasar Ampangan pula didapati daripada empat peniaga ayam segar di situ, satu daripadanya tidak menjalankan pekerjaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 15 |


# Halal: Proses ketat, berintegriti

HAKIMAH MOHD. YUSOFF



PADA masa ini, Malaysia mengimport bekalan daging mentah dari 50 rumah sembelihan dan loji pemprosesan di pelbagai negara bagi memenuhi keperluan bekalan daging mentah dari sudut peruncitan dan perindustrian. Proses pengimportan daging mentah tersebut melalui satu prosedur yang ketat dan terperinci sebelum kelulusan untuk mengeksport diberikan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selaku agensi berautoriti dalam mengeluarkan permit import kepada syarikat pengimport.

Antara negara-negara yang mengeksport daging ke Malaysia adalah India, Pakistan, Thailand, China, Australia, New Zealand, Brazil, Argentina, Australia dan Jepun.

Dalam konteks halal, kerajaan mengambil usaha proaktif dengan menetapkan polisi terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. Polisi kerajaan ini bukan sahaja dirangka sebagai usaha untuk menjamin rantaian halal bahan mentah di Malaysia malah sebagai satu bentuk kawalan agar hanya daging sembelihan halal dibenarkan dibawa masuk.

Pelaksanaan dasar ini pastinya melibatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selaku pihak berkuasa dalam pensijilan halal di Malaysia. Namun, Jakim tidak pernah dan tidak mengeluarkan pensijilan halal secara terus kepada loji sembelihan luar negara sebaliknya berperanan menyelia dan memberi perakuan dari sudut keperluan halal dan kepatuhan syariah. Pun demikian, Jakim tidak akan berkompromi untuk merendahkan prosedur halal terhadap rumah sembelihan luar negara yang diaudit.



KERAJAAN menetapkan polisi halal yang ketat terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. - GAMBAR HIASAN/AFP

Untuk memastikan matlamat tersebut dicapai, Jakim menetapkan keperluan halal bagi rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang diluluskan mengeksport produk ke Malaysia untuk melaksanakan sistem halal sepenuhnya (*dedicated halal plant*) berdasarkan keperluan *Malaysian Protocol for the Halal Meat and Poultry Production* dan *MS Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines* (MS 1500:2009).

Selain itu, keperluan dan kriteria wajib bagi setiap permohonan pengimportan daging ke Malaysia adalah memiliki pensijilan halal sah daripada badan pensijilan halal diiktiraf oleh Jakim dari negara berkenaan. Mekanisme ini dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem halal di rumah sembelihan atau loji pemprosesan luar negara meliputi aspek pengauditan, penilaian dan pemantauan termasuk memberi latihan dan tauliah kepada penyembelih serta keberadaan penyelia dan pemeriksa halal loji sembelihan berkenaan.

Justeru, setiap loji sembelihan yang diluluskan untuk mengimport daging ke Malaysia bukan sahaja perlu diaudit, diselia dan dipantau oleh badan pensijilan halal luar negara malah perlu memastikan aspek pematuhan halal menepati syarat dan keperluan ditetapkan oleh Jakim bagi pasaran Malaysia atau tidak.

Dalam masa sama, badan pensijilan halal luar negara dikehendaki menyediakan laporan dan rekod pemantauan yang mereka lakukan ke atas rumah sembelihan atau loji pemprosesan di bawah seliaan mereka. Laporan dan rekod pemantauan tersebut perlu dihantar kepada Jakim setiap enam bulan dan disemak oleh juruaudit syariah Jakim apabila melakukan audit bersama JPV.

**ATASE HALAL**

Dalam konteks pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara pula, ia diberikan berdasarkan permohonan yang diterima daripada badan berkenaan dan setelah melalui satu penilaian dokumen dan lapangan berdasarkan prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara serta melalui proses pemantauan berkala. Mekanisme pengiktirafan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha bagi mengawal rantaian halal bahan mentah dan produk yang kita gunakan setiap hari.

Terkini, sebanyak 84 badan pensijilan halal dari 46 negara telah memperoleh pengiktirafan daripada Jakim. Khusus di Australia, Jakim meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang telah mendapat kelulusan mengeksport produk mereka ke Malaysia bersama badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh Jakim.

Bagaimanapun, kesemua keperluan dan mekanisme yang dinyatakan di atas masih belum memadai sehinggalah Jakim sendiri menjalankan pengauditan dan penilaian lapangan bagi mengesahkan dan membuat perakuan halal. Pengauditan yang dijalankan secara bersama dengan juruaudit JPV ini saling melengkapi aspek keselamatan, kualiti dan pematuhan halal.

Hasil penemuan dan dapatan dalam konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat Jakim dan dua peringkat seterusnya diurusetiakan oleh JPV sebelum satu keputusan diberikan. Setiap penemuan ketidakakuran semasa audit akan dibentangkan oleh juruaudit dan dibincangkan secara mendalam untuk mendapatkan keputusan sama ada wajar diberi kelulusan atau tidak diluluskan.

Keputusan akhir daripada mesyuarat ini adalah penentu bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan dalam senarai rumah sembelih atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasil daging ke Malaysia di laman sesawang JPV, *www.dvs.gov.my*.

Secara umumnya, kerajaan bukan sahaja menetap dan melaksanakan dasar halal terhadap setiap produk daging import yang masuk ke pasaran Malaysia halal dan selamat untuk dimakan malah telah merangka mekanisme pengawalan di seluruh rantaian halal, membangunkan keperluan dan kriteria yang ketat serta membuat perakuan halal berdasarkan penilaian, pengauditan lapangan dan pembentangan melalui beberapa lapisan jawatankuasa sebelum memberi kelulusan kepada sesebuah loji dan kemasukan daging import ke Malaysia.

Namun, sekiranya terbukti berlaku perlangaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa tanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan dan mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

DATUK Hakimah Mohd. Yusoff ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 16 |

KATA SAYA

*Oleh*
***Ku Seman Ku Hussain***

# Makanan kita di tangan orang



**RANCANGAN Buku Hijau yang dilancarkan pada 1974 sebenarnya isyarat penting untuk mengekang kebergantungan terlampau terhadap makanan import. - UTUSAN**

DALAM satu kenyataan akhbar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberitahu, India bukan pengeksport gandum ke negara ini. Kenyataan tersebut sebagai reaksi berkenaan langkah India menghentikan eksport gandum dengan serta-merta.

Sebaliknya menurut kenyataan itu lagi, sebanyak 80 peratus keperluan gandum diimport dari Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine. Maksud daripada kenyataan itu ialah rakyat tidak perlu bimbang kerana import gandum tidak melibatkan India.

Tetapi hakikatnya, walaupun India bukan pengeksport gandum ke negara ini, pergolakan Russia dan Ukraine boleh menjadi faktor kekurangan bijiran itu di pasaran global. Untuk rekod, Russia dan Ukraine membekalkan 30 peratus keperluan gandum global. Hal ini menyebabkan peningkatan harga gandum di pasaran global apabila permintaan lebih daripada bekalan. Pengguna gandum di negara ini akan menerima kesan secara langsung daripada keadaan ini.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonia Guterres memberi amaran bahawa pergolakan antara dua negara berkenaan akan memberi ancaman dan menyebabkan berjuta-juta penduduk dunia berdepan krisis keselamatan makanan. Sebelum ini Ukraine mengeksport sebanyak 4.5 juta tan hasil pertanian sebulan melalui pelabuhan negara itu. Bagaimanapun selepas tercetus pergolakan, pelabuhan Ukraine jatuh ke tangan Russia dan bertindak menutup urusan import eksport dari Ukraine ke pasaran global.

Barangkali ada yang bertanya, kenapa isu gandum menjadi besar di negara yang makanan asasinya adalah beras? Sebenarnya gandum sudah menjadi makanan asasi di Malaysia. Keperluan gandum dalam setahun mencatatkan 1.7 juta tan metrik berbanding beras hanya 1.6 juta tan metrik.

> **"Ada duit belum tentu orang mahu menjual barang kepada kita."**

Tentulah suatu yang membimbangkan apabila kita terpaksa mengimport 100 peratus bijirin makanan asasi ini. Keadaan ini dengan sendirinya mengancam keselamatan makanan di negara ini. Malah pergolakan Russia dan Ukraine juga mendorong banyak negara mengambil langkah mengurangkan eksport bahan makanan terutama gandum.

Isu keselamatan makanan tidak boleh diselesaikan dengan pendekatan *ad hoc*, sebaliknya memerlukan pelan dan dasar yang merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang. Oleh kerana itu, isu sebenar bukan sekadar gandum tetapi kebergantungan yang tinggi terhadap bahan makanan yang diimport. Serba-serbi bahan makanan diimport walaupun negara ini mempunyai banyak tanah yang masih dibiarkan kosong.

Bagaimanapun, hakikatnya pengeluaran beras negara hanya mampu menampung 63 peratus keperluan domestik. Begitu juga dengan sayuran yang hanya menampung 44.4 peratus daripada keperluan. Buah-buahan pula mencapai tahap yang agak tinggi iaitu 78.2 peratus keperluan.

Bukan itu sahaja, malah dalam setahun Malaysia mengimport daging kambing bernilai RM879.4 juta, mangga (RM87.9 juta), kelapa (RM266.1 juta) dan daging lembu (RM2.2 bilion) untuk memenuhi keperluan domestik. Lebih 70 peratus daging kambing diimport dari Australia sementara mangga, kelapa dan daging lembu masing-masing diimport dari Thailand, Indonesia dan India.

**DUIT ITU RAJA**

Ini bukan lagi isu KPDNHEP. Sebaliknya tidak ada dasar khusus untuk mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan terhadap makanan import. Daripada sebesar-besar hingga sekecil-kecilnya semua diimport. Tidak ada langkah proaktif ke arah mengecil, kalaupun tidak memenuhi sepenuhnya keperluan domestik.

Tentulah amat bahaya kalau bahan makanan termasuk asasi terletak di tangan orang lain. Walaupun ada pemimpin politik percaya bahawa duit itu raja (*cash is king*), tetapi tidak semua keadaan boleh diselesaikan dengan duit. Untuk membeli sokongan dalam pilihan raya mungkin benar duit itu raja. Tetapi untuk membeli bahan makanan dalam keadaan negara lain juga menjaga keselamatan makanan ketika berdepan konflik geopolitik dan perubahan iklim, ada duit belum tentu orang mahu menjual barang kepada kita.

Dalam keadaan geopolitik dunia yang tidak menentu, kita tidak boleh terlalu perasan dengan *cash is king*. Keadaan yang melingkari kita sekarang adalah amat membimbangkan. Pengeksport mempunyai kuasa dan tidak semua keadaan ada duit semuanya akan menjadi kenyataan.

Statistik tahun lalu mencatatkan import bahan makanan kita mencapai RM55.5 bilion dan eksport hanya RM33.8 bilion. Jumlah import yang lebih tinggi akan mewujudkan peningkatan defisit perdagangan produk makanan negara berjumlah RM21.7 bilion pada 2020, meningkat 24.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010 (DPN3) digubal dengan matlamat meningkatkan keselamatan makanan, pengeluaran serta menambahkan daya saing sektor pertanian dengan sektor lain.

Bagaimanapun, DPN3 macam terperap apabila semuanya hendak bergantung pada bahan makanan import. Hal ini menjadikan kebergantungan itu pada tahap yang serius. Kalau banyak bergantung dengan bahan import, susahlah hendak bercakap tentang keselamatan makanan. Sebabnya keadaan memang tidak selamat kerana bahan makanan kita berada di tangan orang lain.

Matlamat DPN3 sememangnya cukup bagus. Tetapi realitinya sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun daripada 13.5 peratus pada 1995 kepada 7.1 peratus (2010). Itu statistik 10 tahun lalu, sekarang mungkin semakin kecil.

Kemudian lancar pula Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) kesinambungan fasa pertama dasar yang sama dari 2011 hingga 2020. Melihat perkara-perkara yang digariskan dalam dasar ini, kalau dizahirkan dengan jayanya pasti dapat mengurangkan bahan makanan import.

Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein pada 1974 sebenarnya satu isyarat penting untuk mengekang kebergantungan terlampau terhadap bahan makanan import. Rancangan Buku Hijau adalah satu gagasan penting mengangkat sektor pertanian tanpa menafikan peri pentingnya sektor lain terutama industri.

Persoalannya, adakah pemimpin-pemimpin selepas Abdul Razak memahami hasrat Perdana Menteri ketiga itu dalam konteks keselamatan makanan? Malah ada pemimpin yang teruja menjadikan Malaysia negara industri hingga meminggirkan sektor pertanian.

Maka tidak hairanlah kalau ketika ini diibaratkan duit di tangan kita, tetapi makanan di tangan orang. Kalau orang tidak mahu menjual, kebulurlah kita jadinya. Konsep jelapang padi dalam masyarakat Melayu perlu difahami falsafahnya.

PENULIS ialah Editor *Kuseman.com*.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE STAR | NATION | 9 |

# Consumer groups want all food-related APs abolished

**PETALING JAYA:** Reducing the red tape may help address the rising cost of living and food shortages, say consumer associations.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) president Datuk Dr Marimuthu Nadason said the Approved Permit (AP) requirement should be abolished across the board to bring in more imports and allow more food industry players to come in to ensure there is sufficient supply in the market.

"(There must be) total abolition of APs. The government must also make trade practices much easier.

"Too many licensing requirements is a waste of time," he said.

Marimuthu added that the government should assist small and medium enterprises (SMEs) in producing enough food for the people.

Efforts must also be made to increase employment opportunities and welfare allocations for vulnerable groups, and ensure that more lower-income people have access to education and affordable healthcare, he added.

Fomca chief executive officer Saravanan Thambirajah echoed the call by National Recovery Council chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin for the re-activation of the food security council that was previously created to handle food crises.

He said the council should look into long-term measures to increase the food supply, create strong policies to protect the country against global economic conditions, and to reduce dependence on food imports.

"We need good agricultural policies in Malaysia. Don't focus so much on land development. We need to focus on agriculture as well," he added.

Saravanan said the government must also look into immediate measures to stabilise the local supply of food, especially chicken, vegetables and fish.

Consumers Association of Penang (CAP) education officer NV Subbarow said there are items that did not warrant a price hike but traders still went ahead and increased their prices.

"There is not enough enforcement," he said.

He added that traders who increased prices must explain the rationale behind the hike.

"Many wholesalers are selling their old products at higher prices, but the products were bought much earlier before the start of the Russian-Ukraine war.

"What is the connection between the prices of tea, coffee, cooking oil, car and motorcycle spare parts with the shortage of wheat?" he said, adding that prices of items that are not affected by the supply and demand issue have also gone up.

He said he was also told that car and motorcycle owners were warned by shops that prices of spare parts are increasing.

Subbarow said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry must carry out constant enforcement to check prices of consumer goods.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob earlier said the Cabinet will meet today to discuss the rising prices of essential goods and the issue of chicken supply.

He added that the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Agriculture and Food Industry Ministry would present short-term and long-term plans to address the issues at the meeting.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE STAR | VIEWS | 12 |


# Time to relook food security

## The country is enamoured with all things massive and mega, and yet is still groping in the dark as far as food-based agriculture policy is concerned.



JOHAN JAAFFAR

**The bowerbird writes**

FOOD security has always been my favourite topic. I have been arguing for the need of a holistic policy to ensure our food production is secured and self-sufficient. I have written a few pieces on food quality, safety and standards before.

Food-related agriculture is often given the last priority. We can't live on oil palm and rubber, however advanced the technology associated with those crops is.

Our survival, and the survival of humankind, is about ensuring the availability of food.

We Malaysians take food for granted. There is so much food on our table that we have perfected the art of wasting it.

Every day, we generate 15,000 tonnes of food waste, enough to fill 7.5 football fields or to feed 7.5 million humans. Yet there are 800 million people or 26 times the population of Malaysia who go hungry each day on Planet Earth. That is one in five humans.

Food as argued by Tom Standage in his book, *An Edible History of Humanity*, is the catalyst for human change, political groupings, geopolitical competitiveness, development of industries and economic superiority.

In short, food transforms humanity.

But are we aware that modernisation is as much about industrialisation as it is about improvement in food production?

Food is politicised, even weaponised, and not to mention being used as a bargaining power.

Amartya Sen, the Nobel Prize winner in 1998 for Economics, famously stated the correlation between famine, democracy and the free press. (Yes, the latter matters!)

Now for the wake-up call: Prices of food are on the rise in this country. The worrying thing is, while the rate of inflation was at 2.2% in March, food inflation was at 4%.

Many welcomed the move by the government to remove approved permits (APs) for food imports.

"Anyone can import food," said the Prime Minister, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

While it is a laudable move, it is more of a knee-jerk reaction rather than a proper, well-thought of, comprehensive and holistic policy. APs for food imports have always been a contentious issue. It benefited a few at the expense of many.

The government's idea to remove the APs is to ensure local supply of food is sufficient. It will certainly prevent the manipulation of food prices and supply.

We should consider any form of APs and monopolies on any food item as unacceptable. This is an opportunity for the government to seriously consider the abolition of monopolies on essential foodstuffs. In the spirit of true market economy, monopolistic practices are backward and irresponsible.

Grain is fast becoming the white gold of the 21st century. The last we heard, the world's stock of grain has fallen to 45 days of consumption.

In the case of Malaysia, at the peak of the Covid-19 pandemic, the Minister of Agriculture and Food Industries reassured us that reports of the country's rice stock could only last for two-and-a-half months were incorrect.

The minister told us that our current local rice stock at the factory, wholesale and retail levels stood at 523,000 metric tonnes. These figures I am sure have changed dramatically now.

Many rice-exporting countries are considering a total ban on exports. They know the importance of rice to the populace. Rice after all is the staple food of billions of Asians. Hunger begets anger.

It is time to be more prudent with our idea of development. We are so enamoured with all things massive and mega that we almost forgot that people need to eat. We are still groping in the dark as far as our food-based agriculture policy is concerned. The wisdom at one time was, it is more economical to turn a hectare of land into an industrial lot than to cultivate plants for food. The agricultural sector pertaining to food has never really being rejuvenated. The real farmers on the ground are left without research and development support.

Back then, there was the idea of Fund-for-Food (3Fs), but like all initiatives, it was short-lived. Financing in food-related agriculture is most difficult. Very few dare to venture into food production for obvious reasons. Those who got the financing were the ones who were politically connected, but with little to no knowledge of the industry.

We have to accept the fact that there will be a scarcity of rice and other essential foodstuff in the future. It is already happening. And it has nothing to do with the Ukraine war.

**Johan Jaaffar was a journalist, editor and for some years chairman of a media company, and is passionate about all things literature and the arts. And a diehard rugby fan. The views expressed here are entirely his own.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/5/2022 | THE STAR | EVENT | 6 |




# Festive treat for coastal fishermen




Abdul Halim (front row, seventh from left), Azrul Mahathir (on his left) PPSN members, fishermen and residents at the gathering.

PUSAT Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) treated 60 fishermen and residents from Permatang Damar Laut and Kampung Binjai to a meal of *lemang, rendang* and *ketupat*.

The gathering was aimed at fostering stronger ties with the local community, especially fishermen off the southern coast of Penang island.

Batu Maung assemblyman Datuk Abdul Halim Hussain said the state government had planned several initiatives to ensure the fishermen's well-being.

"One of them is building a temporary jetty with storage facilities for fishermen who are now using the riverbanks of Sungai Bayan Lepas to berth their boats and store their equipment.

"All this while, the fishermen have had to build their own facilities without proper equipment.

"Construction of the jetty is targeted to begin later this year.

"As the assemblyman of the area, I will always ensure the interests of fishermen are protected.

"We also hope the younger generation will see fishing as a viable career," said Abdul Halim, who is also state domestic and international trade, consumer affairs and entrepreneurship development committee chairman.

PPSN has a tradition of contributing food and other aid to its stakeholders near the Penang South Islands site during major festivals.

Also present at the Hari Raya celebration were Bayan Lepas assemblyman Azrul Mahathir Aziz, SRS Consortium deputy project director Azmi Mohamad and representatives of Permatang Damar Laut Village Community Management Council.